

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"BETA berkewajipan untuk mengingatkan, supaya sesiapa jua yang dititipkan dengan jawatan atau kuasa, tidak akan menggunakan jawatan atau kuasa itu untuk menzalimi orang lain".
- Titah Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Bagi Tahun 1439H / 2017M.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قلبي في

مانيسن ايمان
MANISNYA IMAN

"DAN jika kamu menghitung nikmat Allah tentulah kamu tidak terkira banyaknya".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim, ayat 34.

Waktu Sembahyang

IMSAK 5.00 SUBUH 5.10 SYURUK 6.27 DUHA 6.50 ZUHUR 12.31 ASAR 3.42 MAGHRIB 6.32 ISYAK 7.41

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 66 / BILANGAN 31

13 MAC 2021 / 1442 رجب 29

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

"YA Allah, hanya Engkau jua tempat kami berlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin".

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.

KESAN KETAATAN, NIKMAT KEHIDUPAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1442 Hijrah / 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Foto : Ihsan Balai Kenangan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Pejabat Kebawah DYMM Istana Nurul Iman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Mac. - Kepala dari segala amal salih itu ialah rukun Islam yang lima, yang wajib dilaksanakan oleh setiap individu Muslim. Inilah 'Ugama Islam' itu, dan

tiangnya pula menurut hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam ialah ibadat sembahyang lima waktu.

Ke muka 2

Belia perintis kemajuan negara

Oleh : Marlinawaty Hussin

TEMBURONG, Rabu, 10 Mac. - Para Pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) dilihat sebagai contoh modal insan yang berkualiti juga gigih dan berani tampil untuk berbakti.

Mereka benar-benar membawa imej yang baik selaku bangsa dan negara merdeka yang tidak mahu duduk diam tanpa berkhidmat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah

demikian, semasa Upacara Perbarisan Tamat Latihan PKBN Pengambilan Ke-10, yang diadakan di Padang Kawad, Kem Latihan PKBN, Batu Apoi, di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seterusnya bertitah, inilah antara ciri signifikan negara merdeka, yang mampu melahirkan generasi pelapis yang boleh diharap dan inilah juga matlamat yang mahu kita capai dari PKBN supaya para belia memahami erti sebenar bernegara dan berbangsa.

Ke muka 3



BRUNEI DARUSSALAM 2021

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

Berita Utama



BGC tetap komited sokong industri maritim Brunei

Muka 11



MMN wadah strategik bincang isu kepentingan rakyat

Muka 27

STATISTIK COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 12 MAC 2021, 12.00 tengah hari

192

Jumlah kes jangkitan

109,758

Jumlah keseluruhan ujian makmal (sejak Januari 2020)

3

Jumlah kematian

14,586

Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)

184

Jumlah kes yang sembuh

5

Kes aktif

Ministry of Health, Brunei Darussalam | mohbrunei | www.moh.gov.bn

Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Ke-17 MMN, 15 Mac

Siaran Akhbar :
Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 12 Mac. - Istiadat Pembukaan Rasmi

Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-17 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) akan berlangsung pada Isnin, 1 Syaaban 1442H



bersamaan dengan 15 Mac 2021M bertempat di Bangunan Dewan Majlis.

Istiadat tersebut akan disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan pengurniaan titah sebagai bermulanya Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-17 MMN.

Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, akan mempengerusikan Persidangan MMN Musim Ke-17 dan turut dibantu oleh Jurutulis MMN, Yang Dimuliahkan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar dan Timbalan Jurutulis MMN, Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail.

Ke muka 15

Kesan ketaatan, nikmat kehidupan

Dari muka 1

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Cuba kita perhatikan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala tidak memisahkan dua rukun ini, sembahyang dan membayar zakat, kerana sembahyang adalah bukti berlakunya hubungan hamba dengan Tuhannya, manakala zakat pula menjadi lambang adanya ikatan tanggungjawab sesama insan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian sempena Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1442H / 2021M.

Terdahulu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, terdapat puluhan ayat di dalam Al-Quran mengenai dengan sembahyang, antaranya ayat 277, Surah Al-Baqarah, tafsirnya, "Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal-amal salih serta mendirikan sembahyang dan membayar zakat, bagi mereka itu adalah pahala di sisi Tuhan mereka dan tidak ada ketakutan atas mereka serta mereka juga tidak akan berdukacita".

Dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia lagi, di sini, boleh dirumus, bahawa perintah mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat itu mengandungi rahasia 'kebaikan' untuk semua, iaitu dengan sembahyang, kita memperkubu diri dari segala keburukan dunia, manakala membayar zakat pula, bererti mensucikan harta dengan cara

menunaikan hak para penerima zakat.

Adapun harta yang ada pada kita, baginda menekankan, bukanlah 100 peratus milik kita, melainkan ada bahagian yang menjadi hak kepada asnaf zakat menerimanya.

"Jika kita mendalami sungguh-sungguh akan hikmah atau rahasia dua rukun ini, sudah tentu kita akan lebih terikat untuk melaksanakannya. Kerana dengan berbuat demikian itu, untung laba di dunia dan di akhirat akan sama-sama diperolehi," titah baginda.

Baginda, seterusnya bertitah, keuntungan di dunia bagi orang sembahyang ialah akan beroleh ketenangan dan keselamatan, sementara bagi pengeluar zakat telah pun dijanjikan pertambahan harta, bukannya kurang dan manakala keuntungan di akhirat pula, akan diganjar oleh Allah dengan syurga-Nya.

Titah baginda, adalah menjadi syarat umum bagi memperoleh syurga itu ialah dengan melakukan ketaatan kepada Allah dan Rasul-Nya, di mana antara ciri-ciri ketaatan itu ialah mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat, di samping juga tidak mengabaikan segala amal taat yang lain-lain.

Orang-orang yang berada di dalam lingkungan ini, titah baginda, akan menerima janji Allah, sebagaimana firman-Nya dalam Surah An-Nisa, ayat 13, tafsirnya, "Barangsiapa yang mentaati Allah dan Rasul-Nya, akan dimasukkan ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. Mereka itu kekal di dalamnya, dan itulah

kejayaan yang amat besar".

"Pada hemat beta, umat Islam di negara ini sudah pun memahami dengan baik konsep taat itu dan sedang menjalaninya dalam kehidupan. Kerana itu, Allah Subhanahu Wata'ala telah menampakkan sedikit kesan daripada ketaatan itu, iaitu berupa nikmat keamanan, kemakmuran dan keselamatan, termasuk keadaan luar biasa, di mana negara kita seolah-olah sudah benar-benar bebas dari penularan wabak Koronavirus, sedang di luar sana, orang masih terus bergelut menanganinya," titah baginda.

Jelas baginda bertitah, apakah ini tidak mungkin satu bentuk 'pemeliharaan' Allah terhadap kita, kerana kita telah memenuhi persyaratan taat yang dikehendaki-Nya, yang antara lain berupa sembahyang, mengeluarkan zakat, berpuasa, membaca Al-Quran, berzikir dan berdoa tanpa ada penghujungnya.

Terdahulu, dalam titah baginda turut memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana nikmat-Nya berupa keamanan, kesejahteraan dan kesihatan dapat kita nikmati bersama.

Malah, titah baginda, kita wajib bersyukur kerana masih berupaya melaksanakan amal-amal salih, suatu sebab atau punya pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala terus dapat kita terima.

"Allahumma, mohon supaya dikekalkan keberkatan ini. Aamiin," mengakhiri titah baginda.

Inti Sari Titah

- SEMBAHYANG adalah bukti berlakunya hubungan hamba dengan Tuhannya.
- ZAKAT menjadi lambang adanya ikatan tanggungjawab sesama insan.
- SEMBAHYANG dan mengeluarkan zakat mengandungi rahasia 'kebaikan' untuk semua.
- SEMBAHYANG, kita memperkubu diri daripada segala keburukan dunia.
- MEMBAYAR zakat, mensucikan harta dengan cara menunaikan hak para penerima zakat.
- HARTA yang ada pada kita, bukanlah 100 peratus milik kita, melainkan ada bahagian yang menjadi hak kepada asnaf zakat menerimanya.
- KEUNTUNGAN di dunia bagi orang sembahyang akan beroleh ketenangan dan keselamatan.
- PENGELUAR zakat dijanjikan pertambahan harta, bukannya kurang, manakala keuntungan di akhirat, akan diganjar oleh Allah dengan syurga-Nya.
- SYARAT umum bagi memperoleh syurga ialah dengan melakukan ketaatan kepada Allah dan Rasul-Nya.
- ANTARA ciri-ciri ketaatan, mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat, di samping tidak mengabaikan segala amal taat yang lain-lain.
- ALLAH Subhanahu Wata'ala menampakkan sedikit kesan daripada ketaatan, iaitu berupa nikmat keamanan, kemakmuran dan keselamatan, termasuk keadaan luar biasa, di mana Negara Brunei Darussalam seolah-olah sudah benar-benar bebas dari penularan wabak Koronavirus.

Dari Sidang Pengarang.

13 MAC 2021 BERSAMAAN 1442 رجب 29

DORONG PESAKIT KE ARAH KEHIDUPAN LEBIH SIHAT

HARI Buah Pinggang Sedunia diraikan setiap tahun, pada Khamis, minggu kedua bulan Mac di seluruh dunia. Sambutan ini adalah sebagai salah satu kempen kesedaran kesihatan bagi mempertingkatkan kesedaran orang ramai tentang penyakit buah pinggang dan kesannya.

Pada tahun ini, Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia membawa tema 'Hidup Sejahtera dengan Penyakit Buah Pinggang' yang bertujuan untuk memberikan harapan dan motivasi kepada para pesakit agar mereka masih dapat menjalani kehidupan dengan baik dan mendorong memperkasa kehidupan ke arah yang lebih sihat dan mengurus simptom dengan berkesan.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan sempena Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2021 baru-baru ini menjelaskan bahawa Negara Brunei Darussalam (NBD) tidak terkecuali dan adalah antara negara yang mempunyai kadar tertinggi pesakit buah pinggang di peringkat akhir atau 'End Stage Kidney Disease' di dunia yang juga dikenali sebagai penyakit kerosakan buah pinggang yang kekal. Punca utama penyakit buah pinggang di negara ini adalah kencing manis dan tekanan darah tinggi.

Menurut kenyataan Jawatankuasa Antarabangsa Hari Buah Pinggang Sedunia 2020, iaitu selaras dengan Pertubuhan Nefrologi Antarabangsa, secara global 1 dalam 10 orang di seluruh dunia mengalami penyakit buah pinggang yang kronik. Dalam hal ini dianggarkan bahawa 10 peratus, iaitu dalam 40,000 orang dari jumlah penduduk NBD menghidap penyakit buah pinggang kronik.

Menurut statistik Jabatan Perkhidmatan Renal (JPR), Kementerian Kesihatan pada akhir 2020, data menunjukkan hanya lebih kurang 3,000 orang pesakit di bawah penjagaan Klinik Penyakit Kronik Buah Pinggang di tahap serius, bagi keempat-empat daerah.

Terapi penggantian buah pinggang terbahagi kepada rawatan Peritonil Dialisis (Cuci Air); rawatan Hemodialisis (Cuci Darah); dan rawatan pemindahan buah pinggang. Brunei Darussalam Dialysis Transplant Registry 2020 menyatakan dalam 85 peratus pesakit memilih rawatan Hemodialisis.

Bagi rawatan Hemodialisis (Cuci Darah) pula, NBD mempunyai enam buah pusat / unit rawatan Hemodialisis (Cuci Darah) yang disediakan di keempat-empat daerah. Di samping itu, mulai Mac 2021, dengan adanya kolaborasi di antara Kementerian Kesihatan dan Jerudong Park Medical Centre (JPMC) melalui projek PPP - Public Private Partnership, satu pusat dialisis baharu iaitu Unit Renal Dialisis JPMC diperkenalkan.

Kita selaku rakyat dan penduduk di NBD amat bertuah kerana pihak kerajaan memberikan perkhidmatan kesihatan yang boleh diakses pada bila-bila masa di samping pelbagai rawatan dan ubat-ubatan diberikan secara percuma. Oleh itu, adalah tanggungjawab kita semua untuk sama-sama berusaha mengamalkan gaya hidup sihat, aktif dan mengikuti pemakanan yang sihat serta seimbang dengan ubat yang berkesan. - **Ketua Penyuntingan (Rd)**

RAMALAN CUACA 3 HARI		
SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN		
30 24 °C	30 24 °C	31 25 °C
PEKAN BANGAR		
29 24 °C	30 24 °C	31 25 °C
PEKAN TUTONG		
30 24 °C	30 24 °C	31 25 °C
KUALA BELAIT		
30 24 °C	30 24 °C	31 25 °C

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi MAC	HARI	Hijrah REJAB	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
13	SABTU	29	5.00	5.10	6.27	6.50	12.31	3.42	6.32	7.41
14	AHAD	30	5.00	5.10	6.27	6.49	12.31	3.41	6.32	7.41
15	ISNIN	1 SYAABAN	5.00	5.10	6.27	6.49	12.30	3.41	6.32	7.41
16	SELASA	2	4.59	5.09	6.26	6.48	12.30	3.40	6.32	7.41
17	RABU	3	4.59	5.09	6.26	6.48	12.30	3.39	6.32	7.40
18	KHAMIS	4	4.58	5.08	6.25	6.48	12.29	3.38	6.31	7.40
19	JUMAAT	5	4.58	5.08	6.25	6.47	12.29	3.37	6.31	7.40

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

Wallahualam Bissawab
Jabatan Kajiucaca
Brunei Darussalam
www.met.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX App
Google Play
App Store

TALIAN KECEMASAN 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

BELIA PERINTIS KEMAJUAN NEGARA

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Hamzah Mohidin

Dari muka 1

"Manakala para belia memahami ini, maka itulah ketikanya mereka layak dinobatkan sebagai wira," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Baginda juga bertitah, sebagai bukti awal dapat dilihat, dari lebih 200 orang alumni PKBN telah pun tampil menjadi Sukarelawan Belia bagi sama-sama membantu menangani wabak coronavirus dan ini tidak syak lagi merupakan penanda aras, bahawa generasi

belia kita sudah pun bersedia untuk memikul tanggungjawab yang besar.

Titah baginda, di mana dengan PKBN bertambah matang, maka harapan negara juga semakin besar untuk melihat generasi belia kita berupaya untuk menjadi pemimpin masyarakat serta sekaligus menjadi perintis kepada kemajuan negara.

"Dalam pada itu, sebagai prasyarat untuk menjadi pemimpin yang baik lagi hebat, maka para belia, tidak boleh tidak, mesti memiliki keperibadian dan

'jati diri' yang teguh," titah baginda.

Terdahulu, dalam titah baginda juga mengucapkan tahniah kepada semua 247 orang Pelatih PKBN Pengambilan Ke-10 di atas kecekalan mereka mengikuti latihan selama tiga bulan dengan penuh semangat dan sabar.

Baginda turut mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada para Pelatih PKBN Pengambilan Ke-10 yang akan menamatkan latihan mereka pada pagi ini.

"Kejayaan mereka, tentu saja dari hasil titik peluh masing-masing, serta kerjasama padu daripada pelbagai pihak, khasnya para jurulatih dan tenaga pengajar, dan juga berkat doa para ibu bapa dan penjaga masing-masing," mengakhiri titah baginda.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Upacara Perbarisan Tamat Latihan PKBN Pengambilan Ke-10 yang diadakan di Padang Kawad, Kem Latihan PKBN, Batu Apoi.

Keberangkatan Kebawah DYMM suntik semangat Pelatih PKBN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan memeriksa Barisan Hadapan Kawalan-kawalan Perbarisan Tamat Latihan PKBN Pengambilan Ke-10.

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Hamzah Mohidin

TEMBURONG, Rabu, 10 Mac. - Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Upacara Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-10 jelas menunjukkan keprihatinan baginda terhadap perkembangan belia di negara ini, terutama kepada para pelatih program berkenaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke upacara berkenaan, yang diadakan di Padang Kawad, Kem Latihan PKBN, Batu Apoi, hari ini, di sini.

Ke muka 4



PARA Pelatih PKBN Pengambilan Ke-10 ketika melaungkan tiga kali Daulat Kebawah Duli Tuan Patik.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan berangkat ke Upacara Perbarisan Tamat Latihan PKBN Pengambilan Ke-10 (atas dan kanan).

Dari muka 3

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Padang Kawad tersebut dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; Pesuruhjaya

Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat; Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud dan Pemangku Pengarah Bahagian

Khidmat Bakti Negara, Mejar (B) Haji Mohammad bin Dollah. Sejurus keberangkatan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima Hormat Diraja dan disusuli dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan'. Kebawah DYMM seterusnya berkenan memeriksa Barisan Hadapan Kawal-kawal Perbarisan Tamat Latihan PKBN Pengambilan Ke-10 yang terdiri daripada seramai 247 pelatih iaitu 172 pelatih lelaki dan 75 pelatih perempuan.

Setelah memeriksa Barisan Hadapan, Ketua Perbarisan

melapor menjunjung perkenan Kebawah DYMM bagi Perbarisan Tamat Latihan berjalan lalu dalam masa perlahan dan cepat dan diikuti Perbarisan Tamat Latihan Mara Ke Hadapan Untuk Diperhatikan Semula.

Baginda seterusnya berkenan mengurniakan titah dan berkenan mengurniakan anugerah kepada enam Pelatih Terbaik PKBN, iaitu Pelatih Lelaki Terbaik Kawad, 12886 Awang Mohamad Hamizan bin Zulkhairi / Platon 4; Pelatih Perempuan Terbaik Kawad, 12668 Dayang Nurin

Alya Widyana Naqibah binti Saifulbahrin / Platon 4; Pelatih Lelaki Terbaik Jasmani, 12699 Awang Mohammad Hakif bin Mohammad / Platon 3; Pelatih Perempuan Terbaik Jasmani, 12850 Dayang Khairunnisaa binti Shafiee / Platon 2; Pelatih Lelaki Terbaik Keseluruhan, 12883 Awang Muhammad Nur Ridhwan @ Raiezwan bin Radimas / Platon 5; dan Pelatih Perempuan Terbaik Keseluruhan, 12846 Dayangku Ardini Haziqah binti Pengiran Haji Mohd. Ali / Platon 6.

Ke muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menandatangani Buku Lembaran Kenangan dan menerima pesambah sempena keberangkatan baginda pada upacara berkenaan (atas dan kanan).



PERBARISAN Tamat Latihan daripada para Pelatih PKBN (atas). Sementara gambar kiri, antara jemputan yang hadir pada upacara tersebut.



KEBAWAH DYMM berkenan mengurniakan anugerah kepada Pelatih Lelaki Terbaik Keseluruhan, 12883 Awang Muhammad Nur Ridhwan @ Raiezwan bin Radimas / Platun 5 dan Pelatih Perempuan Terbaik Keseluruhan, 12846 Dayangku Ardini Haziqah binti Pengiran Haji Mohd Ali / Platun 6 (kiri dan kanan).



KEBAWAH DYMM berkenan bergambar bersama para Pelatih Terbaik Program Khidmat Bakti Negara Pengambilan Ke-10.

Dari muka 4

Setelah itu, upacara diteruskan dengan laungan tiga kali Daulat Kebawah Duli Tuan Patik. Upacara berakhir dengan bacaan

Doa Selamat yang dibacakan oleh Pegawai Ugama PKBN, Awang Mohd. Khairul Hazmi bin Awang Haji Munir bagi memanjatkan doa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala untuk

menandakan kesyukuran bahawa Upacara Perbarisan Tamat Latihan selesai dijalankan dengan sempurna.

Dari padang kawad, baginda kemudiannya berangkat menuju ke Ruang Legar, Blok 1, Kem Latihan PKBN bagi menyaksikan pameran daripada Sukarelawan Belia dan Alumni PKBN, yang memaparkan penglibatan Sukarelawan Belia dan Alumni PKBN dalam sama-sama membantu kerajaan menangani COVID-19 sebelum baginda dijunjung berangkat ke Bilik Tetamu 1, Blok 1, Kem Latihan PKBN bagi Santap Ringan.

Kebawah DYMM, seterusnya berkenan menandatangani Buku Lembaran Kenangan sempena keberangkatan baginda, di Ruang Legar, Blok 1, Kem Latihan PKBN. Sebelum meninggalkan majlis, baginda berkenan berangkat bagi sesi bergambar ramai bersama para pelatih, seterusnya disembahkan dengan sebuah pesambah oleh Pemangku Pengarah Bahagian Khidmat Bakti Negara sebagai menjunjung kasih atas keberangkatan baginda ke Kem Latihan PKBN, di Dewan Kuliah, Blok 4, Kem Latihan PKBN.

Mengiringi keberangkatan

baginda, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Hamzah bin Haji Sulaiman.

Dengan keberangkatan baginda ke upacara ini, diharap akan dapat menyuntik semangat pelatih-pelatih untuk terus bergiat aktif dalam memainkan peranan sebagai belia yang berdisiplin, berdisiplin, berwawasan, berhemah, bertakwa dan *syumul* juga terus menerus aktif mengaplikasikan apa yang dipelajari sepanjang program setelah tamat menjalani PKBN agar dapat menabur bakti dan meningkatkan rasa cinta juga pengorbanan terhadap negara, bangsa dan agama sesuai dengan hasrat penubuhan program berkenaan.

Sejak PKBN ini ditubuhkan, ia telah mengeluarkan seramai 3,177 Alumni PKBN dan ini termasuk jumlah Alumni PKBN bagi Pengambilan PKBN Ke-10, yang bermula 29 November 2020 dan berakhir pada 10 Mac 2021.

Mereka ini dilatih oleh seramai 100 pegawai, jurulatih dan tenaga kerja yang telah dipinjamkan daripada ABDB; PPDB; Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP); Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD); Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB); dan sukarelawan profesional, yang dibantu oleh Alumni PKBN bagi sama-sama menjayakan PKBN ini.



KEBAWAH DYMM berkenan menerima pesambah (atas). Sementara gambar kiri dan kiri atas sekali, baginda berkenan beramah mesra dan berswafoto bersama ibu bapa, penjaga juga keluarga para Pelatih PKBN yang diraikan.

TINJAU PERKEMBANGAN PEKAN BANGAR



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama salah seorang pelajar dan guru semasa berkenan mengadakan lawatan ke Sekolah Menengah Sultan Hassan (SMSH), Bangar (kiri dan kanan).

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Marlinawaty Hussin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Hamzah Mohidin

TEMBURONG, Rabu, 10 Mac. - Latihan Program Khidmat Bakti Dari Upacara Perbarisan Tamat Negara (PKBN) Pengambilan

Ke-10, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat

melawat beberapa buah tempat di Pekan Bangar, Daerah Temburong, hari ini.

Terdahulu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memulakan

lawatan ke Sekolah Menengah Sultan Hassan (SMSH), Bangar. Keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Pemangku Pengetua Sekolah tersebut, Awang Helmy bin Haji Abdul Rahman.

Ke muka 7



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan meninjau suasana perniagaan di Bangunan Kompleks Utama Bumiputra Daerah Temburong dan SMSH, Bangar (atas kiri dan atas).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama salah seorang warga Cawangan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan pengunjung di Bangunan Kompleks Utama Bumiputra Daerah Temburong (kiri sekali dan kiri).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mendengar sembah penerangan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri semasa berkenan mengadakan lawatan di kawasan canopy (kiri), sementara gambar kanan, baginda berkenan beramah mesra dan melawat deretan kedai-kedai yang telah lama wujud, di Pekan Bangar berkenaan.

Dari muka 6

Semasa lawatan tersebut, baginda berkenan meninjau dengan lebih dekat kemudahan yang terdapat di sekolah tersebut dan beramah mesra bersama para pelajar sekolah. SSMH mempunyai 81 tenaga pengajar dengan keramaian pelajar 675 orang, iaitu 374 pelajar lelaki dan

301 pelajar perempuan, yang menuntut dari Tahun 7 hingga Tahun 11. Dari SSMH, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam meneruskan lawatan ke Bangunan Kompleks Utama Bumiputra Daerah Temburong, di mana bangunan

tersebut telah dirasmikan, pada 28 Mac 2008. Antara kemudahan yang terdapat di kompleks itu ialah Dewan Utama Bumiputra, gerai-gerai makan dan kedai-kedai perniagaan yang diusahakan oleh pengusaha tempatan juga Cawangan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) yang baharu.

Seterusnya, baginda berkenan melawat ke deretan kedai-kedai yang telah lama wujud, di Pekan Bangar bagi memudahkan penduduk tempatan di daerah ini mendapatkan keperluan harian mereka yang kini telah berubah penampilannya mengikut peredaran masa. Baginda kemudian mengadakan lawatan ke

Kompleks Radio Televisyen Brunei, Cawangan Daerah Temburong sebelum berkenan berangkat meneruskan lawatan ke Tamu Aneka Temburong. Dalam lawatan tersebut, baginda berkenan beramah mesra bersama pengusaha-pengusaha tamu berkenaan.

Ke muka 8



KEBAWAH DYMM berkenan beramah mesra bersama salah seorang warga emas yang berkesempatan bersua muka bersama raja yang dikasihi (atas kiri). Sementara gambar atas dan bawah, baginda berkenan mendengar sembah penerangan dan beramah mesra bersama warga Radio Televisyen Brunei, Cawangan Daerah Temburong, seterusnya berkenan mengabadikan kenangan manis bersama mereka (kiri).





KEBAWAH DYMM berkenan mendengar sembah penerangan dan meninjau lebih dekat Tamu Aneka Temburong (kiri dan atas).

Dari muka 7
Para pengusaha tamu itu, antara lain menjual beberapa makanan tradisi dan minuman; produk-produk tempatan juga kraf tangan di petak jualan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan bagi membantu para pengusaha tempatan meningkatkan aktiviti

perekonomian. Sebelum mengakhiri lawatan, DYMM berkenan melawat Terminal Perahu dan Penumpang Bangar. Terminal tersebut menempatkan jeti untuk penurutan dan penaikan penumpang yang menggunakan bot sebagai pengangkutan

utama bagi perjalanan di antara Daerah Brunei dan Muara ke daerah ini sebelum Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien dibuka untuk kegunaan orang ramai. Daerah yang digelar sebagai 'Permata Hijau' ini, tidak ketinggalan menerima arus pembangunan yang disediakan

oleh pihak kerajaan, di samping usaha dalam pembangunan projek-projek tambahan infrastruktur yang baharu dan menarik bagi meningkatkan lagi kualiti kehidupan penduduk daerah ini. Mengiringi keberangkatan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato

Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Hamzah bin Haji Sulaiman dan Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.



KEBAWAH DYMM berkenan beramah mesra bersama pengunjung dan peniaga, di samping meninjau lebih dekat barangan yang dijual di Tamu Aneka Temburong berkenaan (kiri dan kanan).



KEBAWAH DYMM berkenan mendengar sembah penerangan dan meninjau lebih dekat Terminal Perahu dan Penumpang Bangar (kiri dan kanan).

DPMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik India; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Belgium.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Masri Osman

Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik tersebut telah menerima Surat-surat Watikah Pelantikan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pada 8 Mac 2021.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan Asing yang baharu ke Negara Brunei Darussalam secara berasingan.

DYTM mula-mula berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nahida Rahman Shumona, seterusnya berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Heng Aik Yeow.

Ketua-ketua Perwakilan Asing yang baharu ke Negara Brunei Darussalam tersebut telah menyebarkan Surat-surat Tauliah Pelantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pada 8 Mac 2021.

Majlis-majlis Mengadap tersebut berlangsung di Qashr Al-Meezaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee

Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana

Menteri berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam yang baharu dilantik dan Ketua-ketua Perwakilan

Asing ke Negara Brunei Darussalam yang baharu secara berasingan.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, mula-mula berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik India, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Awang Alaihuddin bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Utama Haji Awang Mohd. Taha dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Belgium, Tuan Yang Terutama Awang Haji Adnan bin Haji Mohd. Ja'afar.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan bergambar bersama Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik India, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Awang Alaihuddin bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Utama Haji Awang Mohd. Taha (kanan) dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Belgium, Tuan Yang Terutama Awang Haji Adnan bin Haji Mohd. Ja'afar (kiri).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nahida Rahman Shumona; dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Heng Aik Yeow secara berasingan (kiri dan kanan).

REALISASIKAN MAQASID AJARAN ALLAH



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Tahun 1442 Hijrah ketika menyampaikan ucapan alu-aluan.

Persembahan Qiraa'atil Qur'an secara interaktif yang menengahkan bacaan lagu Taranum Al-Quran, seperti Bayyati, Hijjaz dan Jiharkah daripada peserta Skim Tilawah Al-Quran Remaja, Jabatan Pengajian Islam, Awang Md. Firdaus bin Haji Salleh dan tenaga pengajar skim berkenaan, Awang Muhd. Zulhafiz bin Awang Tengah.

Ceramah Khas bertajuk 'Sembahyang Teras Kecemerlangan Umat' yang juga merupakan tema bagi sambutan tersebut, disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin. Acara diteruskan lagi dengan Persembahan Tausyeh oleh para pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanil Bolkiah.

Bagi memohon berkat dan rahmat pada majlis yang berkebahagian ini, Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Yang Dimulihkan Begawan Pehin Dato Paduka Haji Mustafa.

BERANGKAT dan hadir ke Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1442 Hijrah / 2021 Masihi, Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar; Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri juga pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Mac. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menyatakan, bahawa untuk merealisasikan ajaran Islam yang berupa nikmat Allah kepada manusia adalah memerlukan umat Islam berpegang teguh dengan mengimani Allah dan Rasul-Nya Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Iman yang teguh itu pula, hendaklah disertai dengan fahaman dan keyakinan bahawa kita tidak sahaja setakat perlu beragama, bahkan juga perlu bernegara.

Yang Berhormat yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Tahun 1442 Hijrah, seterusnya menekankan, bahawa kita telah ditakdirkan oleh Allah turun-temurun menempati sebahagian kecil daripada bumi Allah dengan bersistem sosial dan kenegaraan, yang dengan itu menjadikan kita mempunyai dan menguasai pemerintahan dalam sebuah negara, bernama Negara Brunei Darussalam (NBD).

"Oleh yang demikian, kita adalah dituntut dan dipertanggungjawabkan untuk

merealisasikan tujuan utama matlamat atau Maqasid ajaran-ajaran Allah yang dirumuskan secara spesifik dalam lima aspek bagi kesempurnaan kehidupan manusia.

"Lima aspek itu ialah memelihara agama, memelihara nyawa, memelihara akal, memelihara zuriat dan memelihara harta. Atau disebut sebagai *preservation of religion, life, intellect, lineage and property*. Itulah *tasking* atau kewajiban dan tanggungjawab yang ditaklifkan oleh Allah kepada kita," jelas Yang Berhormat dalam ucapan alu-aluannya, pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1442H / 2021M, yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, di sini.

Tambah Yang Berhormat, sesungguhnya komitmen pada *tasking* demikian itu sedang kita laksanakan, di mana kita yang dimaksudkan itu ialah kita dalam semua jajaran dan jentera kerajaan dengan lembaga-lembaga pemerintahan. Semua jajaran dan jentera itu, tambah Yang Berhormat ialah semua kementerian dengan berbagai-bagai jenis perkhidmatannya.

Jelas Yang Berhormat lagi, ternyata bahawa kita sudah dalam parameter beragama dan sedang berusaha merealisasikan ajaran lima aspek yang menjadi *prime*

ultimate goals ajaran Allah itu, menurut masing-masing bidang dalam jentera kerajaan yang kita berada di dalamnya.

Menurut Yang Berhormat lagi, tiada yang terkeluar daripada parameter mana-mana daripada lima aspek matlamat utama ajaran Allah itu atau Maqasid Syariah itu.

"Tegasnya, negara dan pemerintahan beraja negara kita sudah pun berada dalam parameter lima Maqasid utama ajaran-ajaran Allah itu. Kerajaan dan pemerintahan NBD kita telah dan sedang serta insyaaAllah akan terus berjalan atas landasan dan ke arah memelihara lima matlamat atau *five prime ultimate goals of syaria* itu.

"Dan yang jelas perlu sama-sama kita sedari bahawa sebahagian besar kita yang hadir dalam majlis ini, masing-masing terdiri daripada anggota-anggota kementerian dalam tugas beruniform atau tidak, kesemua kita ini adalah sedang memikul tugas, tanggungjawab *tasking* yang Allah taklifkan untuk dilaksanakan dengan baik dan sempurna," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menekankan, untuk mengukuhkan dengan jelas kedudukan perkara ini, kita hendaklah menyedari bahawa Allah tidak menghendaki kita memahami taklif atau *tasking* kehidupan di dunia ini terpisah-pisah dengan nama kewajiban agama, seperti yang difahamkan dalam fahaman sekularisme.

Tegas Yang Berhormat, Allah tidak menjadikan dan memisahkan agama juga meletakkannya di sudut yang sempit dan terasing dari arus perdana atau *mainstream* kehidupan bernegara dan berkerajaan. Itulah pegangan keagamaan kita, yang sekali gus merupakan pegangan kenegaraan kita di NBD yang tercinta ini.

NBD, alhamdulillah dapat meraikan Sambutan Israk dan Mikraj, tahun ini, dalam situasi kita mengekang penularan pandemik COVID-19, namun menitikberatkan Standard Operating Procedure (SOP) seperti yang digariskan oleh pihak berwajib.

Berangkat dan hadir ke majlis

tersebut, Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar; Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri; juga pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Pegawai Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Yang Dimulihkan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat mengepalai bacaan Surah Al-Fatihah bagi memulakan acara yang berkebahagian itu.

Majlis turut diimarahkan dengan



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut (atas). Sementara gambar bawah, majlis turut diimarahkan dengan Persembahan Qiraa'atil Qur'an secara interaktif yang menengahkan bacaan lagu Taranum Al-Quran seperti Bayyati, Hijjaz dan Jiharkah daripada peserta Skim Tilawah Al-Quran Remaja, Jabatan Pengajian Islam, Awang Md. Firdaus bin Haji Salleh dan tenaga pengajar skim berkenaan, Awang Muhd. Zulhafiz bin Awang Tengah.



PERSEMBAHAN Tausyeh oleh para pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanil Bolkiah.



ISRAK MIKRAJ : PERISTIWA AGUNG KURNIAAN ALLAH KEPADA NABI MUHAMMAD



YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua (empat, kiri) semasa hadir pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1442 Hijrah bagi Peringkat Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), yang berlangsung di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison.

BOLKIAH GARISON, Jumaat, 12 Mac.- Israk dan Mikraj merupakan satu peristiwa agung yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan tiada seorang Nabi mahupun Rasul yang diberi penghormatan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk mengalaminya.

Bagi memperingatinya, Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1442 Hijrah bagi Peringkat Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja

Brunei (ABDB), berlangsung di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison, di sini.

Sambutan membawa tema yang sama pada peringkat kebangsaan, iaitu 'Sembahyang Teras Kecemerlangan Umat'.

Hadir pada majlis tersebut, Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir, Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral (U) Dato

Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan; Pegawai-pegawai dan Awam juga Kakitangan Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Antara yang dijemput hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari yang juga Pemangku Ketua Kampung Jaya Setia dan Kampung Burong Pingai.

Majlis tersebut dimulakan dengan bacaan Surah

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ihsan Kementerian Pertahanan



PARA Pegawai, Awam dan Kakitangan Kementerian Pertahanan juga ABDB yang hadir pada majlis tersebut.

Al-Ma'idah, yang dipimpin oleh Guru Uagama, Jabatan Agama ABDB (JAMA'AT), Awang Muhammad Nur Amin bin Awang Haji Jali.

Majlis diteruskan dengan Ceramah Khas, disampaikan oleh Awang Abd. Rahman bin Haji Ajak dari Pusat Al-Minhaaj, antara lain menyentuh berkaitan dengan kecemerlangan umat.

Beliau turut menerangkan tiga ciri-ciri sebaik-baik umat, iaitu menyeru pada makruf, mencegah pada kemungkaran dan beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala, di mana ciri ini tidak terhad kepada tempat.

Majlis serupa juga diadakan secara serentak, di seluruh surau garison, perkhemahan, dan pangkalan ABDB.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (tengah); dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi (kiri) selaku Pengerusi Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam hadir selaku tetamu khas bersama pada Majlis Pencapaian Tenaga Mahir Maritim Kali Kedua bertempat di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei.

JERUDONG, Jumaat, 12 Mac. - Brunei Gas Carrier Sdn Bhd (BGC) hari ini mengadakan Majlis Pencapaian Tenaga Mahir Maritim Kali Kedua, bertempat di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei.

Majlis tersebut bagi meraikan tiga pencapaian penting, iaitu

Pencapaian Peralihan Pengurusan Kapal BGC; Kenaikan Pangkat Pegawai-pegawai Kapal BGC; dan Penandatanganan Kontrak untuk Biasiswa BGC.

Menyerikan acara hadir selaku tetamu khas bersama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan

Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; dan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof selaku Pengerusi Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam.

Terlebih dahulu, Pengarah Urusan BGC, Pengiran Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, dalam ucapan alu-aluannya, antara lain mengetengahkan pencapaian Kapal Peralihan Pengurusan BGC yang mengiktiraf BGC sebagai pemilik dan pengurus sepenuhnya, iaitu syarikat perkapalan dasar laut yang pertama, di Negara Brunei Darussalam.

Pengiran Shamhary juga menekankan, komitmen BGC pada pembangunan pelaut Brunei

BGC tetap komited sokong industri maritim Brunei

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

yang kekal menjadi fokus utama untuk mengukuhkan, bukan sahaja tenaga kerja BGC, tetapi untuk menyokong pertumbuhan bakat tempatan dalam industri maritim Brunei secara keseluruhan.

Acara diteruskan dengan penyampaian *rank insignia* kepada enam Pegawai Kapal sahaja daripada Pengurus Kapal, Kapten Abdul Mateen Abdurrahman Liew, memandangkan sembilan lagi penerima lain tidak dapat menghadiri majlis tersebut kerana sedang bertugas.


Majlis kemudian menyaksikan Penandatanganan Kontrak bagi para Penerima Biasiswa BGC, iaitu seramai empat Pegawai Kapal yang baru dinaikkan pangkat dan dua kadet baharu, di bawah Marine

Cadetship Programme bersama BGC.

Penandatanganan Kontrak disaksikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II bersama Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Acara diakhiri dengan lawatan ke Galeri Pemeran Kapal Peralihan Pengurusan BGC, pencapaian tenaga mahir dan pelbagai aliran kerja dalam organisasi.

Antara yang hadir, Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan kerajaan, Pengurusan Kanan Syarikat-syarikat Usaha Sama Brunei Shell, Pengurusan BGC, kakitangan dan keluarga.



YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II bersama Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa meninjau pameran yang diadakan (kiri), manakala gambar kanan, Pengurus Kapal, Kapten Abdul Mateen Abdurrahman Liew menyampaikan *rank insignia* kepada salah seorang pegawai.



PENGAH Urusan Brunei Gas Carrier Sdn. Bhd., Pengiran Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya.

10 PERATUS PENDUDUK BRUNEI HIDAP PENYAKIT BUAH PINGGANG KRONIK

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Mac. - Penyakit Buah Pinggang ialah Penyakit Yang Tidak Berjangkit. Menurut kenyataan Jawatankuasa Antarabangsa Hari Buah Pinggang Sedunia 2020, iaitu selaras dengan Pertubuhan Nefrologi Antarabangsa, secara global, 1 dalam 10 orang, di seluruh dunia mengalami Penyakit Buah Pinggang yang kronik.

Negara Brunei Darussalam (NBD) tidak terkecuali dan adalah antara negara yang mempunyai kadar tertinggi Pesakit Buah Pinggang di Peringkat Akhir atau End Stage Kidney Disease, di dunia, yang juga dikenali sebagai Penyakit Kerosakan Buah Pinggang yang Kekal. Punca utama Penyakit Buah Pinggang, di negara ini adalah Kencing Manis dan Tekanan Darah Tinggi.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar berkata demikian, dalam Perutusan sempena Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2021.

Menurut Yang Berhormat, apabila Buah Pinggang gagal berfungsi dengan baik, bahan buangan yang biasanya dikeluarkan daripada badan melalui air kencing akan kekal dalam darah menyebabkan hilang selera makan, loya, muntah, keletihan dan lemah badan. Apabila perkara ini berlaku, pesakit hanya mempunyai dua pilihan sahaja, iaitu, sama ada menjalani Rawatan Dialisis atau Pemindahan Buah Pinggang. Jika tidak dirawat, ia boleh membawa pada kematian.

"Pesakit buah pinggang sering kali menghadapi cabaran besar untuk menjalani gaya hidup secara normal dalam melaksanakan aktiviti harian mereka. Keadaan ini adalah kerana perubahan-perubahan yang berlaku disebabkan oleh penyakit dan rawatan yang perlu dijalani.

"Perubahan yang dialami merangkumi empat aspek utama, iaitu Aspek Emosi, seperti marah dan kemurungan; Aspek Fizikal, seperti penurunan berat badan secara mendadak, kulit berwarna sedikit kehitaman dan gatal-gatal; Aspek Sosial, seperti kurang keyakinan diri, putus asa dan sentiasa rasa letih; dan juga Aspek Sosioekonomi, seperti tidak dapat menjalankan pekerjaan disebabkan Aspek Emosi, Fizikal dan Sosial," tambah Yang Berhormat lagi.

Ini, ujar Yang Berhormat, setentunya akan memberi kesan yang besar terhadap gaya hidup dan kualiti hidup pesakit. Perubahan-perubahan ini juga akan memberikan impak kepada orang sekeliling mereka, termasuk keluarga, rakan-rakan dan masyarakat.

"Berdasarkan kenyataan yang tersebut di atas, 1 dalam 10 orang, di seluruh dunia mengalami Penyakit Buah Pinggang yang Kronik, bererti dianggarkan 10 peratus, iaitu dalam 40,000 orang dari jumlah Penduduk NBD menghidap Penyakit Buah Pinggang Kronik," jelas Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, jelas Yang Berhormat, menurut statistik Jabatan Perkhidmatan Renal (JPR), Kementerian Kesihatan,

pada akhir tahun 2020, data menunjukkan hanya lebih kurang 3,000 pesakit, di bawah penjagaan Klinik Penyakit Kronik Buah Pinggang di Tahap Serius, bagi keempat-empat daerah, belum termasuk 881 pesakit yang menghidap Penyakit Buah Pinggang Tahap Akhir, yang memerlukan Rawatan Terapi Penggantian Buah Pinggang.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan, Terapi Penggantian Buah Pinggang terbahagi kepada Rawatan Peritonil Dialisis (Cuci Air); Rawatan Hemodialisis (Cuci Darah); dan Rawatan Pemindahan Buah Pinggang. Brunei Darussalam Dialysis Transplant Registry 2020 menyatakan, dalam 85 peratus pesakit memilih Rawatan Hemodialisis.

Sejak tahun 2014, ujar Yang Berhormat, negara kita memperkenalkan Polisi Keutamaan Dialisis Peritonil (PD-Preference Policy) atas dasar peningkatan kualiti hidup dan kelangsungan hidup jangka pendek yang unggul lebih baik dengan Dialisis Peritonil. Beberapa tinjauan kajian antarabangsa menunjukkan, terapi dialisis di rumah, seperti Dialisis Peritoneal didapati secara konsisten telah terbukti meningkatkan autonomi, fleksibiliti dan kualiti hidup Pesakit Buah Pinggang.

Terang Yang Berhormat, pesakit dapat menjalani Rawatan Dialisis Peritoneal dengan selesa di rumah sendiri dan tidak perlu pergi ke Pusat Hemodialisis untuk mendapatkan rawatan yang selalunya mempunyai jadual rawatan yang terhad. Dengan cara ini, pesakit mempunyai lebih banyak fleksibiliti dalam menyesuaikan diri, dari segi rawatan dialisis dengan gaya hidup mereka dalam menjalani rawatan dialisis, tanpa rasa sakit dan tanpa

penggunaan jarum. Lebih penting lagi, waktu rawatan tidak mengganggu waktu pekerjaan mereka dan tidak perlu melibatkan ahli keluarga menghantar juga menemani ke pusat rawatan.

Tahun ini, selaras dengan tema Hari Buah Pinggang Sedunia, JPR, jelas Yang Berhormat, telah merancang beberapa aktiviti sepanjang tahun untuk membarigakan Penyakit Buah Pinggang Kronik dan Pencegahannya juga menarik minat para Pesakit Buah Pinggang untuk memilih Rawatan Dialisis Peritonil (Cuci Air) sebagai pilihan utama jika mereka memerlukan Rawatan Terapi Penggantian Buah Pinggang dengan cara mengadakan bengkel, simposium dan aktiviti promosi kesihatan, yang berorientasikan Dialisis Peritonil.

Sementara itu, dari segi Rawatan Hemodialisis (Cuci Darah) pula, negara kita, tambah Yang Berhormat, mempunyai enam buah pusat / unit Rawatan Hemodialisis (Cuci Darah) yang telah disediakan, di keempat-empat daerah, iaitu Unit Dialisis Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) (1983); Pusat Dialisis Kiarong (1994); Pusat Dialisis Rimba (1998); Unit Dialisis Temburong (2008); Pusat Dialisis Kuala Belait (2009); dan Pusat Dialisis Tutong (2012).

"Tidak dinafikan jumlah pesakit buah pinggang meningkat dari setahun ke setahun. Ini bermakna keperluan tempat Rawatan Hemodialisis juga perlu ditambah untuk menampung keperluan pesakit.

"Oleh yang demikian, sukacita diumumkan, mulai bulan Mac 2021, akan ada satu lagi Pusat Dialisis baharu, di negara ini, untuk Rawatan Penyakit Buah Pinggang, iaitu Unit Renal Dialisis Jerudong Park Medical Centre (JPMC)," terang Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat, Unit Renal Dialisis JPMC ini merupakan kolaborasi di antara Kementerian Kesihatan melalui Projek PPP - Public Private Partnership dan ia adalah Pusat Dialisis Pertama, di negara ini yang diwujudkan. Pensiwaan ini dapat mengurangkan beban kerajaan, dari segi membina Pusat Dialisis baharu dan kerja-kerja pemeliharaan Pusat Dialisis yang berkaitan dengannya serta menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan bantuan dan pengambilan kakitangan.

"Pensiwaan juga merupakan kaedah alternatif yang dipilih oleh beberapa buah negara, seperti Malaysia, Hong Kong, Arab Saudi mahupun Negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat, dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan pada orang ramai, meningkatkan akauntabiliti dan dalam masa yang sama akan mengurangkan pergantungan kepada pihak kerajaan. JPMC adalah pilihan yang sesuai kerana sebahagian Pesakit Jantung, Strok dan Kanser yang menjalani rawatan di Gleneagles JPMC dan Pantai Jerudong Specialist Centre juga memerlukan Rawatan Hemodialisis, yang pada lazimnya perlu dihantar ke Hospital RIPAS bagi tujuan Hemodialisis," ujar Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat lagi, dengan adanya Unit Dialisis yang baharu ini, ia akan mengurangkan jumlah pesakit yang kadangkala menjalani Rawatan Dialisis, akhir pada waktu malam hingga waktu



YANG Berhormat Menteri Kesihatan dalam Perutusan sempena Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2021.

subuh di Hospital RIPAS. Ini adalah salah satu langkah untuk meningkatkan kesejahteraan pesakit dan secara tidak langsung bertambahnya slot rawatan mengikut masa dan hari yang sesuai dengan pesakit dan keluarga masing-masing kerana Unit Renal Dialisis JPMC dapat menawarkan khidmat rawatan sekurang-kurangnya seramai 102 pesakit.

"Syukur alhamdulillah, kita sangat beruntung di NBD kerana perkhidmatan kesihatan boleh diakses oleh semua rakyat dan penduduk di negara ini. Tambahan lagi pelbagai rawatan dan ubat-ubatan diberi secara percuma jika dibandingkan di negara-negara lain. Walau bagaimanapun, ia adalah tanggungjawab kita untuk sama-sama berusaha mengamalkan gaya hidup sihat, aktif dan mengikuti pemakanan yang sihat serta seimbang dengan ubat yang berkesan.

"Dengan adanya Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia ini, insyaaAllah akan lebih ramai lagi mereka yang memahami akan Penyakit Buah Pinggang, termasuk pesakit, penjaga pesakit, ahli keluarga pesakit, di mana mereka ini akan dapat membantu mengurangkan beban dan gejala yang berkaitan dengan Penyakit Buah Pinggang agar semua dapat menikmati kehidupan yang sihat dan sejahtera, selaras dengan Wawasan Brunei 2035," ujar Yang Berhormat lagi.

Sambutan tahun ini, jelas Yang Berhormat, membawa tema 'Hidup Sejahtera dengan Penyakit Buah Pinggang' (Living Well with Kidney Disease), bertujuan untuk memberi harapan dan motivasi kepada Pesakit-pesakit Buah Pinggang bahawa mereka masih dapat menjalani kehidupan dengan baik dan mendorong pesakit-pesakit memperkasa kehidupan ke arah yang lebih sihat dan mengurus simptom dengan berkesan. Inti pati tema ini menitikberatkan pendidikan kesihatan orang ramai agar lebih bertanggungjawab terhadap kesihatan diri masing-masing.

"Setiap tahun, pada Khamis, minggu kedua bulan Mac, seluruh dunia, termasuk NBD menyambut Hari Buah Pinggang Sedunia sebagai suatu kempen kesedaran kesihatan bagi mempertingkatkan kesedaran orang ramai mengenai Penyakit Buah Pinggang dan Kesan Penyakit Buah Pinggang," ucap Yang Berhormat mengakhiri Perutusan.

COVID-19 : 665 jalani pengasingan diri mandatori

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 12 Mac. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa tiada kes baharu disahkan setakat 12.00 tengah hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) masih kekal 192 orang.

Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 310 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei 2020.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 51 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan lagi, lima kes aktif masih menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan kesemua kes aktif yang sedang dirawat di pusat berkenaan adalah dalam keadaan yang baik dan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini seramai 184 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 665 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 14,586 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 179 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 109,758 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	192		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	5	3	184

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19

Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (310 hari yang lalu)	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
	51 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
665	14,586

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
179 sampel	109,758

AMRI PENTING KEPADA TRANSFORMASI, AKSESIBILITI DIGITAL ASEAN

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Ihsan Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 12 Mac. - Pandemi COVID-19 telah mengubah seluruh dunia pada tahun 2020, termasuk momentum untuk membina Komuniti ASEAN.

Disebabkan sekatan ke atas pergerakan masyarakat global, sektor penerangan ASEAN, bukan sahaja telah menjadi sumber data yang penting, tetapi juga bertanggungjawab dalam memastikan maklumat yang disampaikan adalah betul dan tepat pada masanya.

Kenyataan ini digariskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud semasa menghadiri Persidangan Menteri-menteri ASEAN yang Bertanggungjawab Ke atas

Penerangan Ke-15 (AMRI Ke-15) dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan, yang berlangsung secara maya melalui persidangan video dari Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Dalam Sesi Plenary AMRI Ke-15, Yang Berhormat menekankan, mengenai kepentingan sektor penerangan yang semakin meningkat disebabkan wabak COVID-19, justeru ke arah itu, Yang Berhormat berpuas hati bahawa tindakan AMRI ke atas berita palsu dan *misinformation* adalah selaras dengan Leaders' Declaration of the Special ASEAN Summit on Coronavirus Disease 2019 dan Joint Statement of the Special ASEAN Plus Three Summit on Coronavirus Disease 2019, yang telah diluluskan, pada 14 April 2020.

Selain itu, jelas Yang Berhormat, Joint Statement of the AMRI to Minimise the Negative Effects of Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) yang diluluskan, pada tahun 2020 menunjukkan komitmen AMRI untuk mengukuhkan kerjasama dalam meningkatkan komunikasi awam, dan menyokong aliran maklumat bebas semasa juga selepas COVID-19 di ASEAN.

Dari aspek positif, COVID-19 jelas Yang Berhormat lagi, telah mempercepatkan proses pemindahan kepada cara hidup yang lebih digital, di mana walaupun dalam tempoh sekatan, teknologi media telah membolehkan kita untuk mempertahankan cara berkomunikasi melalui kaedah digital; meningkatkan pengetahuan dalam menggunakan teknologi digital; dan membangunkan perniagaan juga perdagangan digital.

Namun tambah Yang Berhormat, peningkatan penggunaan media



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) semasa menghadiri Persidangan Menteri-menteri ASEAN yang Bertanggungjawab Ke atas Penerangan Ke-15 (AMRI Ke-15) dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan,

digital dan sosial juga telah menyebabkan penularan berita palsu dan *misinformation*; penyalahgunaan teknologi media; dan jenayah siber juga serangan atas keselamatan siber, maka dalam hal demikian, AMRI tidak boleh leka dalam menentang aspek-aspek negatif *new normal*. Yang Berhormat juga turut memberikan empat cadangan, iaitu meningkatkan penyelarasan untuk segera menangani berita palsu, khususnya melalui ASEAN Task Force on Fake News; terus membentuk komuniti yang

berupa pengguna media yang bertanggungjawab; melibatkan sektor lain ke arah membanteras jenayah siber; dan memastikan maklumat mengenai larangan sekatan dibarigakan tepat pada masanya.

Dalam hal itu, Negara Brunei Darussalam mencadangkan untuk sektor penerangan bekerjasama rapat dengan sektor lain dan agensi-agensi nasional yang berkaitan dalam menyiarkan maklumat perjalanan yang terkini.

Negara Brunei Darussalam, selaku Pengerusi ASEAN 2021 telah memilih tema 'We Care, We Prepare, We Prosper', yang menggariskan usaha kolektif ASEAN untuk meningkatkan kesejahteraan dan kehidupan rakyatnya, terutama ketika rantau ini berusaha untuk pulih dari wabak COVID-19.

PERSIDANGAN AMRI Ke-15 dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan, yang berlangsung secara maya melalui persidangan video.

Ke muka 14



COVID-19 : 5 kes aktif jalani rawatan

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Mac. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa tiada kes baharu disahkan setakat 12.00 tengah hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD)

masih kekal 192 orang. Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 309 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19

sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei 2020.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 51 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan lagi, satu kes dilaporkan sembuh, manakala lima kes aktif masih menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan kesemua kes aktif yang sedang dirawat di pusat berkenaan adalah dalam keadaan yang baik juga jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini seramai 184 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 660 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 14,566 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 1,033 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 109,579 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	192		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
1	5	3	184

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (309 hari yang lalu)	51 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
660	14,566

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
1,033 sampel	109,579

Pelanjutan penangguhan sementara kebenaran aktiviti rentas sempadan

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Mac. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan merujuk pada Siaran Media Jabatan Perdana Menteri (JPM), bertarikh 24 Februari 2021, JPM ingin memaklumkan mengenai perkara-perkara, iaitu penangguhan kebenaran kemasukan warganegara asing daripada Malaysia, termasuk perjalanan transit melalui pos-pos kawalan darat dan laut dengan melintasi Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah dilanjutkan selama 14 hari lagi, mulai 11 hingga 24 Mac 2021.

Sementara itu, transit melalui NBD hanya boleh dipertimbangkan bagi kenderaan-kenderaan yang mempunyai Penyata Kebenaran Transit, yang dikeluarkan oleh Kerajaan NBD dengan jaminan atau sokongan daripada pihak berkuasa Malaysia yang berkenaan, dengan dikenakan syarat dan prosedur kemasukan yang sedia ada, bagi tujuan, iaitu Atas Urusan Rasmi Kerajaan; Persekolahan; Perkhidmatan-perkhidmatan Kecemasan (seperti ambulans, polis dan tentera); dan Transport Operators berdaftar di Malaysia dengan Permit Lintas Batas, yang dikeluarkan oleh Kerajaan NBD bagi penghantaran bekalan import yang *essential* ke NBD dan Malaysia.

Kemudian, penangguhan sementara kebenaran bagi pengambilan dan penghantaran barangan milik individu di lokasi-lokasi khusus, di pekarangan sempadan (*checkpoints*) yang dibuat oleh *runners* berdaftar di negara ini juga adalah dilanjutkan selama 14 hari sehingga 24 Mac 2021.

Selain itu, penangguhan sementara kebenaran bagi keluar dan masuk negara secara ulang-alik (*commuters*) melalui pos-pos kawalan darat mahupun laut bagi tujuan pekerjaan adalah juga dilanjutkan selama 14 hari hingga 24 Mac 2021.

Syarat-syarat bagi pertimbangan keluar masuk yang dinyatakan di atas adalah tertakluk pada penelitian Jawatankuasa Pandu Hal EHWal Rentas Sempadan dari semasa ke semasa. Bagi sebarang maklumat lanjut dan terperinci, bolehlah menghubungi *travel hotline*, menerusi talian 120, semasa waktu bekerja.

AMRI penting kepada transformasi, aksesibiliti digital ASEAN

Dari muka 13

Yang Berhormat menjelaskan, tema tersebut menekankan bahawa ASEAN perlu bekerjasama untuk mewujudkan kepentingan bersama dan menghadapi cabaran yang menjadi perhatian bersama, di mana semua ini, akhirnya akan membolehkan rakyat ASEAN berkembang maju, makmur, dan memperoleh pembangunan mampan untuk kepentingan generasi sekarang dan akan datang.

Tema AMRI Ke-15, iaitu 'ASEAN: A Digital Community with Accessibility for All' adalah relevan dengan matlamat kepengerusian Brunei, dan seterusnya menyambut baik Framework for Promoting Accessibility for All in ASEAN Digital Broadcasting yang telah diluluskan oleh AMRI pada bulan Disember 2020.

Negara Brunei Darussalam tegas Yang Berhormat, mendukung inisiatif untuk meningkatkan akses kepada semua lapisan masyarakat termasuk yang kurang upaya serta warga emas, dan telah melancarkan fasa pertama pentafsiran bahasa isyarat dalam berita perdana nasional 'Berita Perdana' mulai 1 Februari 2021.

Yang Berhormat juga mengetengahkan petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-37 di mana baginda menyatakan bahawa pandangan serantau dan Visi Komuniti pasca-2025 dibentuk oleh usaha pada tahun-tahun akan datang.

Oleh itu, tegas Yang Berhormat, ia mesti diatur dengan baik agar generasi masa hadapan lebih berkeyakinan dan bersemangat menghadapi era yang akan datang.

Sektor penerangan sama pentingnya dengan sektor kesihatan dan kewangan dalam membantu ASEAN pulih daripada pandemik COVID-19 dan membina komuniti yang lebih bersedia, dinamik dan mampan.

Yang Berhormat menekankan bahawa sokongan AMRI terhadap matlamat Negara Brunei Darussalam pada tahun 2021 untuk mempromosikan Strategic and Holistic Initiative to Link ASEAN Responses to Emergencies and Disasters (ASEAN SHIELD) adalah penting.

SHIELD merupakan pendekatan menyeluruh untuk melindungi

masyarakat, ekonomi dan agenda pembangunan yang lebih luas, serta membolehkan tindak balas yang cepat dan kolektif dalam mengurangkan kesan kecemasan dan bencana.

Usaha ini kata Yang Berhormat, merangkumi penggunaan teknologi digital untuk memudahkan transformasi digital di rantau ini, meningkatkan amalan komunikasi dan kerjasama semasa situasi krisis, dan mengukuhkan kerjasama media dan penerangan dengan badan-badan sektoral lain, pihak-pihak berkepentingan, dan rakan kongsi di dalam dan di luar rantau ASEAN.

Terdahulu, persidangan dimulakan dengan Majlis Pembukaan Rasmi, yang mana Minister Attached to the Prime Minister's Office bagi Kerajaan Thailand, Tuan Yang Terutama Anucha Nakasai, selaku Pengerusi AMRI bagi tahun 2020 hingga 2021, dalam Ucapan Pembukaannya menyentuh mengenai peranan penting AMRI dalam mengekalkan peranan efektif ASEAN di bawah bidang media dan penerangan, khususnya dalam situasi yang belum pernah terjadi sebelumnya disebabkan pandemik COVID-19.

TYT juga menyatakan bahawa



SUASANA pada Persidangan AMRI Ke-15 dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan, yang berlangsung secara maya melalui persidangan video dari JPM.

ASEAN sedang bergerak ke arah komuniti digital yang diakses oleh semua orang melalui pengukuhan kemahiran digital warga ASEAN dan memastikan tidak ada yang ketinggalan.

Timbalan Menteri, Ministry of Information and Communications, Viet Nam, Tuan Yang Terutama Dr. Phan Tam, adalah Timbalan Pengerusi bagi Persidangan tersebut.

Turut hadir ialah Menteri-menteri dan pegawai-pegawai kanan daripada negara anggota ASEAN yang lain serta Setiausaha Agung ASEAN.

AMRI Ke-15 telah membincangkan dan meluluskan tiga *outcome documents* yang akan dihadapkan kepada Sidang-sidang Kemuncak ASEAN Ke-38 dan Ke-39 untuk makluman para Pemimpin ASEAN, iaitu Framework for Developing Digital Readiness among ASEAN Citizens; Framework for Promoting


Accessibility for All in ASEAN Digital Broadcasting; dan Joint Media Statement of the 15th AMRI and Related Meetings.

AMRI Ke-15 juga mengambil maklum tentang laporan Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan yang Bertanggungjawab Ke atas Penerangan Ke-18 (SOMRI Ke-18), SOMRI+3 Ke-6 dan SOMRI+Japan Ke-3 yang memuatkan laporan-laporan Negara Brunei Darussalam mengenai kerjasama ASEAN dengan Republik Korea (ROK) dan ASEAN Plus Three yang merangkumi projek-projek di bawah sektor penerangan. Negara Brunei Darussalam adalah negara penyelaras bagi hubungan dialog ASEAN-ROK.

Manakala, pada sebelah petang tadi, Yang Berhormat juga menghadiri Mesyuarat AMRI+3 Ke-6 bersama dengan Menteri-menteri dan Ketua-ketua Delegasi daripada negara anggota ASEAN yang lain berserta negara Plus Three, di mana mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Kerajaan Thailand.

Persidangan AMRI Ke-15 didahului oleh Mesyuarat SOMRI Ke-18, Mesyuarat SOMRI+3 Ke-6 dan Mesyuarat SOMRI+Japan Ke-3 yang telah diadakan pada 10 Mac 2021, dan dihadiri oleh Pegawai-pegawai Kanan daripada JPM, Radio Televisyen Brunei dan Jabatan Penerangan.

YANG Berhormat Menteri di JPM menghadiri Mesyuarat AMRI+3 Ke-6 bersama dengan Menteri-menteri dan Ketua-ketua Delegasi daripada negara anggota ASEAN yang lain berserta negara Plus Three, di mana mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Kerajaan Thailand.



RASULULLAH QUDWATUNA SEMARAKKAN SAMBUTAN ISRAK

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BERAKAS, Khamis, 11 Mac. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dengan kerjasama Qudoz Event Management Services mengadakan Majlis Rasulullah Qudwatuna sempena Sambutan

Israk Mikraj 1442 Hijrah bertempat di Airport Mall, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Pengurusan Strategi dan Dasar), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Ketua Exco Kesenian dan Kebudayaan Islam Sesi 2020/2021 KUPU SB, Awang Muhammad Nur Asyawi bin Awang Asli dalam ucapan alu-aluannya berkata, peristiwa Israk Mikraj Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengandungi suatu dakwah dan mau'izah iaitu ajakan dan nasihat serta peringatan tentang kenabian Baginda dalam menyampaikan dan memberikan pengetahuan mengenai ajaran Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis turut diserikan dengan persembahan-persembahan dari johan-johan pertandingan Majlis Rasulullah Qudwatuna, anjuran Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2020 / 2021 yang telah berlangsung di

KUPU SB.

Majlis diteruskan dengan penyampaian hadiah dan sijil kepada para pemenang pertandingan oleh tetamu kehormat majlis.

Awang Mohammad Hamiz Mirza bin Haji Sudirman dinobatkan johan Pertandingan Musabaqah Tilawatil.

Manakala Pertandingan Tazkirah Kategori Lelaki dimenangi oleh Awang Mohammed Khairul Mu'az bin Haji Sibodaud dan bagi Kategori Perempuan, dijuarai Dayang Norafifah binti Haji Latif.

Bagi pertandingan Tausyeh, Kategori Lelaki dijuarai kumpulan 'Firqah al-Muneer', manakala bagi Kategori Perempuan pula dimenangi oleh kumpulan 'Firqah Qatrunnida'.

Beberapa aktiviti dan pameran turut diungkuhkan oleh fakulti dan pusat KUPU SB bagi menyemarakkan lagi Sambutan Israk Mikraj tersebut termasuk ceramah motivasi pendidikan, penerangan Kitab Munyah al-Musalli dan Idhahul Bah Li Muridun Nikah Bissawab, hafazan surah-surah lazim dan pilihan; aktiviti ejaan jawi dan sebutan tepat



SETIAUSAHA Tetap (Pengurusan Strategi dan Dasar), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (tiga, kanan) semasa hadir pada Majlis Rasulullah Qudwatuna sempena Sambutan Israk Mikraj 1442 Hijrah.

bagi nama-nama manusia; tajwid interaktif serta forum pascasiswazah.

Turut dipamerkan, antaranya Kaifiat solat yang sempurna bagi orang yang sihat, sakit dan dalam keadaan musafir; Kaifiat wuduk yang sempurna, klinik puasa dan fidyah; sejarah dan implikasi Israk Mikraj dalam kehidupan dan

kesihatan; serta sesi bacaan surah-surah lazim secara *talaqqi musyafahah*.

Turut hadir, Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar; Pemangku Timbalan Ra'es KUPU SB, Dr. Abang Haji Hadzmin bin Haji Abang Taha dan pegawai-pegawai utama KUPU SB.



MAJLIS diserikan dengan persembahan Musabaqah Tilawatil.

PEMILIHAN KETUA KAMPUNG KUPANG BAHARU



Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Jumaat, 12 Mac. - Seramai 120 orang daripada 143 orang yang berdaftar dan layak hadir mengundi bagi mengisikan calon jawatan Ketua Kampung Kupang pada Majlis Pengundian dan Pemilihan yang diadakan hari ini bertempat di Dewan Sekolah Rendah Orang Kaya Ali Wanika Setia Diraja, kampung berkenaan, di sini.

Daripada jumlah tersebut, seramai 119 bersetuju, manakala seorang pula tidak bersetuju dan tiada undi rosak.

Undian dibuat adalah bagi menentukan calon tunggal, Awang Haji Nor Sumanty bin Haji Puasa, 47 tahun dan beragama Islam yang akan dipertimbangkan dan disokong untuk menjawat jawatan tersebut.

Majoriti suara telah memilih Awang Haji Nor Sumanty, dengan

itu tawarannya untuk menjadi Ketua Kampung Kupang yang baharu akan dihadapkan kepada Lembaga Perjawatan, Disiplin, Tatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi proses selanjutnya.

Hadir bagi menyaksikan acara pengundian tersebut, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Ajmin bin Haji Meludin.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong selaku Penghulu Mukim Tanjong Maya dan Pekan Tutong serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Sebelum pengundian dimulakan, penduduk kampung yang hadir juga berkesempatan untuk mendengar taklimat tatacara pemilihan dan pengundian calon oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas

AHLI Majlis Mesyuarat Negara (tengah) dan Pemangku Pegawai Daerah Tutong (dua, kiri) hadir pada Majlis Pengundian dan Pemilihan jawatan Ketua Kampung Kupang yang baharu.

Tingkat II, Ketua Bahagian Institusi Mukim dan Kampung, Jabatan Daerah Tutong, Awang Mohammad Adi Asnawi bin Awang Adanan.

Pemangku Pegawai Daerah Tutong dalam ucapannya antara lain menjelaskan majlis pengundian itu merupakan peluang bagi warga akar umbi untuk memilih pemimpin kampung.

Oleh itu, beliau menggesa penduduk kampung untuk mengambil peluang tersebut sepenuhnya agar pemimpin yang dipilih merupakan pilihan ramai.

"Adalah disarankan bagi penduduk-penduduk kampung mengundi bukan sahaja bagi undian setuju sahaja, malahan undian bagi yang tidak setuju perlu diambil kira. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab sebagai seorang penduduk kampung untuk datang dan mengundi setuju atau sebaliknya.

"Pendapat orang awam yang mana tidak mengundi sekiranya tidak setuju dengan calon yang diundikan merupakan pendapat yang perlu diperbetulkan," ujarnya lagi.

Beliau seterusnya menjelaskan, ketidakhadiran untuk mengundi bermakna ia tidak dicatat dan tidak mencerminkan suara keseluruhan penduduk kampung yang sebenar sekiranya tidak ramai yang hadir untuk mengundi.

COVID-19 : 1 kes baharu

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Mac. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa satu kes baharu disahkan setakat 12.00 tengah hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah seramai 192 orang.

Kes 192 ialah seorang lelaki,

berumur 41 tahun, yang tiba ke negara ini dari India, melalui Malaysia, pada 5 Mac 2021. Pengesanan kontak bagi kes ini telah mengenal pasti lapan kontak terdekat, di mana ujian awal menunjukkan kesemuanya adalah negatif bagi penyakit COVID-19.

Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19

di NBD, Kementerian Kesihatan juga memaklumkan, bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 308 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei 2020.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 51 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan lagi, enam kes aktif masih menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan kesemua kes aktif yang sedang dirawat di pusat berkenaan adalah dalam keadaan yang baik dan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini seramai 183 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19, di NBD, di mana seramai 707 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 14,406 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 743 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 108,546 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
1	192		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	6	3	183

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (308 hari yang lalu)	51 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
707	14,406

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
743 sampel	108,546

Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Ke-17 MMN, 15 Mac

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

Dari muka 1

Persidangan MMN memasuki usia 17 tahun sejak penubuhan semula, pada tahun 2004 dan Persidangan MMN Ke-17 kali ini akan membincangkan dan meluluskan Rang Undang-Undang (2021) Perbekalan, 2021 / 2022 yang akan melalui tiga peringkat sebelum dapat diluluskan sepenuhnya, seterusnya diwartakan untuk dapat diguna pakai bermula 1 April 2021.

MMN menjadi wadah strategik dalam membahas perkara-perkara yang menjadi kepentingan rakyat dan negara. Dengan inisiatif dan kriteria Ahli-ahli MMN, mereka memainkan peranan sebagai suara rakyat di negara ini dalam membahas juga meneliti polisi dan dasar kerajaan bagi kesejahteraan rakyat Negara Brunei Darussalam (NBD).

MMN telah ditubuhkan menurut Bab 23 dari Perlembagaan Negara Brunei 1959 dan Ahli-ahlinya dilantik menurut Bab 24. MMN telah dibubarkan, pada tahun 1984 dan bersidang semula, pada 25 September 2004. Penubuhan persidangan ini adalah sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-58 Tahun, pada 15 Julai 2004.

Ahli-ahli MMN berjumlah 36 orang, terdiri daripada Ahli Rasmi Kerana Jawatan, Orang-orang Bergelar, Orang-orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan dan Wakil-wakil Yang Dilantik Dari Daerah-daerah.

Dalam mematuhi garis panduan keselamatan di dalam situasi pandemik COVID-19, orang ramai bolehlah melihat dan mendengar Persidangan MMN dalam jumlah kapasiti yang terhad. Rakaman persidangan harian juga boleh diikuti melalui saluran RTB Perdana pada jam 9.00 malam dan selepas Siaran Berita jam 10.00 malam.

Sementara itu, pakaian rasmi bagi Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-17 MMN bagi Tahun 1442H / 2021H ialah bagi Ahli-ahli Yang Berhormat MMN memakai pakaian seragam (uniform) dengan bertanjak (dastar) dan memakai Bintang-bintang Kebesaran dan Pingat-pingat Kehormatan bagi Ahli Rasmi Kerana Jawatan; memakai pakaian seragam (uniform) / Pakaian Kebangsaan Hitam dengan bertanjak (dastar) dan memakai Bintang-bintang Kebesaran dan Pingat-pingat Kehormatan bagi Ahli Yang Dilantik; dan memakai baju kurung / bertudung (hitam) dan memakai Bintang-bintang Kebesaran dan Pingat-pingat Kehormatan bagi Ahli Yang Dilantik.

Manakala para jemputan khas hendaklah memakai pakaian seragam (uniform) dengan bertanjak (dastar) dan memakai Bintang-bintang Kebesaran dan Pingat-pingat Kehormatan bagi Wazir-wazir, Pengiran-pengiran Cheteria, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Diraja, Timbalan-timbalan Menteri, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja, Ahli-ahli Majlis Ugama Islam Brunei, Setiausaha -setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap.

Mereka yang tidak mempunyai uniform yang diberikan keistimewaan kedudukan di dais ialah pakaian kebangsaan hitam dengan bersongkok berserta Bintang-bintang Kebesaran dan Pingat-pingat Kehormatan. Para jemputan yang lain hendaklah memakai pakaian kebangsaan hitam / lounge suit hitam dan bersongkok atau bertudung (hitam).

BIL	SIMBOL	PENERANGAN
1		SENTIASA MENGAMALKAN PENJARAKAN FIZIKAL UNTUK KESELAMATAN BERSAMA.
2		1. DIGALAKAN UNTUK MEMAKAI SUNGKUP MUKA APABILA BERADA DALAM DEWAN PERSIDANGAN ATAU KAWASAN SESAK. 2. KURANGKAN BERINTERAKSI SECARA DEKAT DAN PAKAI SUNGKUP MUKA JIKA TIDAK DAPAT DIELAKKAN.
3		1. BUAT PEMERIKSAAN TAHAP SUHU BADAN DI PINTU-PINTU MASUK UTAMA. 2. SUKATAN SUHU BADAN 37.5°C KE ATAS AKAN DIRUJUK KEPADA PEGAWAI KESIHATAN BERTUGAS DAN TIDAK AKAN DIBENARKAN MASUK.
4		ANDA DIMESTIKAN UNTUK MENGGUNAKAN APLIKASI BRUHEALTH UNTUK MENGIMBAS QR CODE YANG DISEDIAKAN DI PINTU-PINTU MASUK SEBAGAI PENGESANAN DIRI.
5		MEREKA YANG DIDAPATI MEMPUNYAI SIMPTOM-SIMPTOM FLU SEMASA BERADA DALAM BANGUNAN DEWAN MAJLIS AKAN DINASIHATKAN UNTUK MENINGGALKAN BANGUNAN DEWAN MAJLIS.
6		AMALKAN MENCUCI TANGAN DENGAN AIR DAN SABUN SEKURANG-KURANGNYA 20 SAAT ATAU PUN PENCUCI TANGAN NYAH KUMAN (HAND SANITISER)
7		HINDARI/ELAKKAN UNTUK BERSALAMAN. CUKUP DENGAN MELETAKAN TANGAN KANAN DI ATAS DADA KIRI DENGAN SENYUMAN.
8		MEMBAWA TIKAR SEMBAHYANG PERSENDIRIAN JIKA HENDAK MELAKSANAKAN SHOLAT.
9		ALIHKAN BUNYI DERING TELEFON ANDA KEPADA MOD 'SENYAP' DAN JANGAN BUAT BISING KETIKA BERADA DALAM DEWAN PERSIDANGAN TERUTAMA SEMASA SESI PERBAHASAN.



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa, iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Bulan Rejab adalah bulan yang mencatatkan peristiwa sejarah yang sentiasa diingat oleh umat Islam kerana dalam bulan inilah berlakunya peristiwa Israk dan Mikraj Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Dalam peristiwa ini, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah diisrakkan (diperjalankan) dari Masjidil Haram di Mekah ke Masjidil Aqsa di Palestin dan kemudian dimikrajkan (dinaikkan) ke langit menuju Sidratul Muntaha. Firman Allah Subhanahu Wata'ala, dalam Surah Al-Isra', ayat 1 :

Tafsirnya : "Maha suci Allah yang telah memperjalankan hambanya (Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan roh dan jasadnya) pada waktu malam dari Masjidil Haram (di Mekah)

SEMBAHYANG FARDU 5 WAKTU

ke Masjidil Aqsa (Baitul Maqdis di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya supaya Kami diperlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda (kebesaran dan kekuasaan) Kami. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat".

Dalam peristiwa tersebut, Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menyaksikan tanda-tanda kebesaran dan kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala dan di kemuncak peristiwa inilah Allah Subhanahu Wata'ala telah memfardukan sembahyang lima waktu kepada umat Islam. Firman Allah Subhanahu Wata'ala, dalam Surah Al-Isra', ayat 78 :

Tafsirnya : "Dirikanlah sembahyang mulai tergelincir matahari hingga sampai gelap malam, dan (dirikanlah) Sembahyang Subuh, sesungguhnya Sembahyang Subuh itu disaksikan (oleh malaikat)".

Sembahyang fardu lima waktu itu diwajibkan ke atas setiap orang Islam lelaki dan perempuan yang mukalaf, iaitu yang baligh, berakal dan suci. Tuntutan mendirikan sembahyang itu adalah wajib selagi akal fikiran orang itu sedar dan waras, sekalipun dalam keadaan sakit atau orang yang kurang upaya, maka tidak ada alasan bagi mereka untuk meninggalkan sembahyang fardu lima waktu itu. Akan tetapi, cara mendirikan sembahyang itu saja yang berbeza, mengikut keupayaan pesakit itu sendiri, sama ada secara berdiri, duduk ataupun berbaring.

Perlu diingat, bahawa meninggalkan sembahyang fardu lima waktu dengan sengaja itu hukumannya adalah berdosa besar dan Allah Subhanahu Wata'ala telah menjanjikan mereka Neraka Saqar di akhirat kelak. Firman Allah Subhanahu Wata'ala, dalam Surah Al-Muddaththir, ayat 42 - 43 :

Tafsirnya : "(Mereka berkata) : Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam Negara Saqar? Orang-orang berdosa itu berkata : Kami tidak termasuk dalam golongan yang mendirikan sembahyang".

Alhamdulillah, kita di Negara Brunei Darussalam amat bertuah kerana ibadat sembahyang itu diajarkan melalui persekolahan, yang mana anak-anak kita wajib disekolahkan ke sekolah agama. Dengan itu, mereka dididik dan diajar menunaikan sembahyang menurut cara yang betul. Demikian juga, kita ibu bapa dan datuk neneknya juga berkesempatan belajar agama dan melaksanakan kewajipan beragama, termasuklah sembahyang. Maka oleh itu, pastikanlah bahawa kita umat Islam di negara ini akan tetap merupakan masyarakat dan bangsa yang taat mengerjakan sembahyang, iaitu tiang agama yang utama, yang mesti tetap teguh menjadi penyelamat kita, di dunia dan di akhirat.

Ringan atau beratnya ibadat sembahyang itu, tergantung pada keimanan seseorang. Oleh itu, semakin beriman seseorang itu, bererti semakin mudahlah ia menunaikan dan mendirikan sembahyang, akan tetapi jika kurangnya iman seseorang itu terhadap Allah Subhanahu Wata'ala, maka akan berasa berat dan malaslah ia untuk menunaikan ibadat sembahyang.

Di zaman yang serba moden ini, menjadikan kita semakin sibuk dengan hal ehwal duniawi. Akan tetapi, janganlah kita jadikan kesibukan itu sebagai satu alasan untuk kita mencuaikan dan melalaikan ibadat sembahyang. Sesungguhnya ibadat sembahyang merupakan tanda ketaatan dan kesyukuran kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala yang telah melimpahkan pelbagai rahmat dan nikmat.

Ketahuilah, bahawa ibadat sembahyang adalah ibadat yang utama dan yang mula-mula sekali akan diperhitungkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala, pada hari kiamat kelak. Oleh itu, jika seseorang itu sempurna sembahyangnya nescaya berbahagialah dan beruntunglah dia.

Sebaliknya, jika tidak sempurna sembahyangnya maka akan rugi dan

menyesallah dia kelak. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, yang bermaksud : "Amalan yang pertama dihisab daripada seorang hamba, pada hari kiamat ialah sembahyang. Jika baik (sembahyangnya), maka baiklah seluruh amalannya. Jika rosak (sembahyangnya), maka rosaklah seluruh amalannya". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Dalam menunaikan sembahyang lima waktu ini, adalah lebih afdal, jika ia ditunaikan pada awal waktu dan secara berjemaah di masjid. Daripada Abdullah bin Mas'ud Radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah ditanya mengenai amalan yang disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala : "Saya telah bertanya kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Apakah amalan yang lebih disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala? Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Sembahyang pada waktunya". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Dalam hadis yang lain daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Sembahyang berjemaah adalah lebih utama (baik) daripada sembahyang bersendirian dengan 27 darjat". (Riwayat Imam Muslim)

Akhirnya, marilah kita sama-sama mentaati perintah Allah Subhanahu Wata'ala dengan menunaikan ibadat sembahyang dengan tetap dan sempurna pada waktunya. Mudah-mudahan dengan yang demikian, kita semua akan terhindar dan tidak termasuk ke dalam Neraka Saqar dan terhindar daripada sebarang bahaya dan bala bencana. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "Peliharalah (kerjakanlah dengan tetap dan sempurna, pada waktunya) segala sembahyang fardu khususnya Sembahyang Wustha dan berdirilah kerana Allah (dalam sembahyang kamu) dengan taat dan khusyuk". (Surah Al-Baqarah, ayat 238)

83 Pegawai Kadet Percubaan dilantik menjadi Pegawai Kadet



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) menyempurnakan Pelantikan 83 Pegawai Kadet Percubaan yang secara rasminya dilantik menjadi Pegawai Kadet (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 12 Mac. - Dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seramai 83 Pegawai Kadet Percubaan secara rasminya dilantik menjadi

Pegawai Kadet.

Majlis berlangsung di Dewan Istiadat Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Kampung Tanah Jambu.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan Majlis Pelantikan tersebut, Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat.

Seramai 53 Pegawai Kadet

Lelaki dan 30 Pegawai Kadet Wanita dipilih melalui Badan Penauliahan Angkatan Bersenjata dan melapor ke Sekolah Pegawai Kadet, pada 26 Januari 2021.

Selama enam minggu yang lalu, pegawai-pegawai kadet menjalani Latihan Ketenteraan Asas, yang terdiri daripada latihan, kecergasan fizikal, *fieldcraft*, membaca peta, kepimpinan dan pengurusan dan lain-lain.

Para Pegawai Kadet tersebut

akan menjalani latihan yang lebih ketat dan intensif selama 46 minggu akan datang untuk mengembangkan agar menjadi pegawai yang berkualiti, dari segi kepimpinan, pengetahuan dan sahsiah.

Ketua Jabatan Agama ABDB, Komander Haji Ainolnizam bin Haji Ibrahim, TLDB membacakan Doa Selamat bagi memberkati majlis dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai dengan tetamu

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Pertahanan

kehormat.

Turut hadir, Pegawai-pegawai Tentera dan Awam juga kakitangan Kementerian Pertahanan dan ABDB juga ibu bapa pegawai-pegawai kadet yang dilantik.

INISIATIF KE ARAH MENCAPAI ORGANISASI CEMERLANG

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Tenaga



SESI Pembarigaan Rangka Kerja Kompetensi Sumber Manusia Kementerian Tenaga dan Jabatan juga Badan-Badan Berkanun di bawahnya.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Mac. - Rangka Kerja Kompetensi Sumber Manusia Kementerian Tenaga dan Jabatan juga Badan-Badan Berkanun di bawahnya dilancarkan baru-baru ini.

Hadir bagi melancarkan Rangka Kerja Kompetensi Sumber Manusia tersebut, Setiausaha Tetap Kementerian Tenaga, Awang Haji Azhar bin Haji Yahya.

Majlis pelancarannya diadakan di Dewan Teater Utama, Jabatan Perdana Menteri.


Rangka Kerja Kompetensi Sumber Manusia ini merupakan salah satu inisiatif berterusan pihak kementerian ke arah menyokong Strategik Objektif Ke-8, iaitu Mencapai Organisasi Cemerlang.

Tujuan utama Rangka Kerja Kompetensi Sumber Manusia diwujudkan adalah untuk menetapkan prestasi kerja menggunakan piawai tertentu melalui set kompetensi yang telah dikenal pasti dan perlu ada pada setiap pegawai dan kakitangan, di Kementerian Tenaga, Jabatan juga Badan-Badan Berkanun di bawahnya.

Dalam majlis tersebut, ahli-ahli kumpulan kerja memberikan pembentangan mengenai objektif dan kepentingan, kaedah penilaian, seterusnya Perancangan Pelaksanaan Rangka Kerja Kompetensi Sumber Manusia.

Antara lain yang dikongsikan semasa Sesi Pembarigaan tersebut, tiga kompetensi teras (*core competency*) yang telah dikenal pasti bagi Kementerian dan Jabatan juga Badan-Badan Berkanun di bawahnya, iaitu Kompetensi Kepimpinan; Kompetensi Pengurusan; dan Kompetensi Kesihatan, Keselamatan, Sekuriti dan Alam Sekitar (Health, Safety, Security and Environment - HSSE).

Setiap kompetensi teras telah diprofil, berdasarkan keperluan tenaga kerja dan kompetensi setiap jawatan dalam Kementerian, di mana dengan Rangka Kerja



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Tenaga (tengah) semasa sesi bergambar ramai.

Kompetensi Sumber Manusia ini akan dapat menutup jurang kompetensi yang ada, pada setiap pegawai dan kakitangan melalui penyediaan pelbagai latihan profesional.

Seterusnya, ia juga akan diguna pakai bagi melihat perkembangan pegawai dan kakitangan yang akan membantu secara keseluruhan pada pelaksanaan

mekanisme Perancangan Penggantian dan di peringkat individu, terhadap pembangunan potensi pegawai dan kakitangan. Manakala, bagi jangka masa panjang, hasilnya dijangkakan akan menyumbang lebih ketara ke arah peningkatan produktiviti Kementerian Tenaga secara keseluruhan.

Seterusnya, sejajar dengan

aspirasi Kementerian Tenaga dalam mempelbagaikan dan melestarikan ekonomi negara yang dipimpin oleh anak tempatan Brunei sendiri, Rangka Kerja Kompetensi Sumber Manusia akan berfungsi sebagai mekanisme yang menyatupadukan perkembangan sistem sumber manusia Kementerian yang lebih strategik dan sistematik.

Memperkasa ibu tunggal, golongan wanita yang memerlukan



SETIAUSAHA Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyampaikan set jahitan kepada Pemangku Penghulu Mukim Sungai Kebun / Ketua Kampung Setia 'A', Awang Haji Asli bin Haji Mamut (kiri), sementara gambar kanan, sebahagian daripada peserta yang hadir pada majlis tersebut.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad

PULAIE, Jumaat, 12 Mac. - Seramai 14 peserta dari Kampung Setia 'A' mengikuti Program Komuniti Kursus Jahitan anjuran Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), bertujuan untuk meningkatkan tahap sosioekonomi golongan wanita dan ibu tunggal yang tinggal di kampung berkenaan dengan menggalakkan mereka menceburkan diri dalam sektor perniagaan.

Ia juga bertujuan untuk memperkasa penerima bantuan supaya akan dapat meningkatkan

ekonomi mereka tanpa bergantung sepenuhnya pada bantuan

Pelancaran program tersebut disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, pada majlis yang berlangsung di Pusat Bahagia Brunei dan Muara, Kampung Pulaie.

Penolong Pengarah Bahagian Bantuan Kebajikan Am JAPEM, Dayangku Siti Saihalina binti Pengiran Haji Md. Daud



menjelaskan, pencapaian program komuniti sebelumnya berjaya menunjukkan keberhasilan, di mana para peserta program berjaya menubuhkan perusahaan jahitan sendiri dan memperoleh pendapatan yang mampu membantu ekonomi keluarga mereka.

Menurutnya, program komuniti kelas jahitan itu adalah kali kelima dijalankan untuk membantu golongan sasaran yang sama dan dua daripada kumpulan wanita yang sebelum ini mengikuti program itu, membuka perusahaan mereka sendiri.

"Hari ini, KKBS sekali lagi melancarkan program serupa untuk memperkasa golongan ibu-ibu tunggal dan golongan

wanita yang memerlukan untuk mengembangkan kemahiran mereka dan seterusnya menempatkan mereka (bagi) bersaing dalam bidang perniagaan," katanya dalam ucapan alu-aluan.

Di bawah program ini, tambahnya, para peserta latihan selama tiga bulan, seterusnya akan diberikan kursus perniagaan sebelum menjadi usahawan secara berkumpulan.

"KKBS akan menyediakan tempat latihan dan keperluan latihan secara percuma juga akan mencarikan tapak perniagaan / inkubator yang sesuai untuk menjalankan perusahaan jahitan,"

ujar beliau.

Tetamu kehormat, kemudian menyampaikan set jahitan kepada Pemangku Penghulu Mukim Sungai Kebun / Ketua Kampung Setia 'A', Awang Haji Asli bin Haji Mamut.

Antara modul yang akan dipelajari oleh para peserta, merangkumi kemahiran jahitan, bimbingan usahawan dan inkubator perniagaan.

Program ini akan berlangsung setiap Ahad, di Pusat Bahagia Brunei dan Muara.

Pihak JAPEM juga akan berkolaborasi bersama agensi yang berkaitan dalam membantu para usahawan ini memasuki pasaran tempatan apabila tamat latihan nanti.

SEMBAHYANG TIANG AGAMA, SYIAR ISLAM YANG AGUNG

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman
Infografik : Bahagian Pelita Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Mac. - Bermula hari ini, marilah kita berazam untuk memperbaiki ibadah sembahyang kita dengan harapan dapat meraih kejayaan, kecemerlangan bukan sahaja di dunia ini, bahkan kemenangan dan kejayaan di akhirat kelak.

Perkara tersebut antara yang ditekankan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin dalam Ceramah Khasnya yang juga merupakan tema bagi Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1442 Hijrah / 2021 Masihi yang bertajuk 'Sembahyang Teras Kecemerlangan Umat'.

Dalam Ceramah Khas tersebut, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani juga menyeru, iaitu sebagai langkah permulaan, kita perlu mencuba untuk menerapkan perkara-perkara berikut untuk mencapai kesempurnaan ibadah sembahyang.

"Yang pertama, kita perlu memiliki kesedaran : sadar kita hamba Allah, sadar kita memiliki kewajiban, sadar kita akan kembali kepada Allah, sadar bahawasanya setiap amal perbuatan kita akan dihisab.

"Yang kedua, faham : fahami solat kita, setiap pergerakan, setiap bacaan dan memahami apa sebenarnya tujuan solat itu. Yang terakhir, setelah faham, kita berusaha untuk beramal, kalau di dalam sembahyang kita berjaya khusyuk, mampu mengingat Allah, merasa dekat dengan Allah, maka di luar sembahyang hendaknya kita merasakan perkara yang sama," ujarnya lagi.

Setiap detik dalam kehidupan, jelasnya, kita sentiasa merasa dalam pengawasan Allah Subhanahu Wata'ala. Terdahulu, Ceramah Khas menerangkan mengenai peristiwa Israk dan Mikraj Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, di

antara perkara yang sering dibangkitkan adalah berkenaan dengan diperintahkan-Nya ibadah sembahyang fardu lima waktu sehari semalam.

Sembahyang menurutnya, merupakan tiang agama, syiar Islam dan jalan untuk mendapatkan syurga Allah Subhanahu Wata'ala dan di antara bukti yang menunjukkan betapa agungnya kedudukan ibadah sembahyang ini dalam Islam, ia diperintahkan kepada Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam tidak melalui perantaraan Malaikat Jibril seperti mana ibadah-ibadah yang lain, bahkan Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkannya secara langsung kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Tambahnya lagi, ibadah sembahyang juga satu-satunya ibadah yang tidak akan gugur kewajiban mengerjakannya, jika kita melihat pada ibadah puasa Ramadan, apabila seseorang dalam keadaan bermusafir atau sakit, maka ada keringanan baginya untuk berbuka, begitu juga dengan zakat, haji, jika seorang itu tidak memiliki kemampuan yang disyaratkan maka gugurlah kewajiban bagi mereka tetapi tidak sama dengan sembahyang fardu, ia tetap wajib dilaksanakan dalam apa jua keadaan.

Ibadah sembahyang juga jelasnya, ditempatkan di kedudukan yang tinggi, iaitu setelah dua kalimah syahadah di dalam rukun Islam, yang menunjukkan bahawa sembahyang menjadi tanda lurus dan sucinya akidah seseorang Muslim itu dan juga sebagai bukti yang membenarkan pengakuan keimanannya.

"Ibadah sembahyang juga merupakan syiar Islam yang agung, yang dengannya membezakan seorang Muslim dengan yang lainnya," ujarnya.

Selain ibadah pertama sekali dihisab pada hari kiamat kelak katanya, ibadah sembahyang ini memiliki sangat banyak kelebihan jika ianya dikerjakan dan di antara kelebihan-kelebihan tersebut, iaitu dengannya kesalahan-kesalahan akan dihapuskan dan dengannya juga ditinggikan darjat.

Inti pati ceramah juga menyatakan, dengan memelihara ibadah sembahyang juga akan sebab yang besar untuk memasukkan seseorang itu ke dalam syurga serta mendapat kedudukan yang dekat dengan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Pengiran Ahmad Faris Ramadhani juga antara lain menyeru untuk kita menilai ibadah sembahyang kita sendiri, hubungan kita dengan ibadah tersebut termasuk mendirikannya, memelihara, kesukaan dan kesenangan serta rindu untuk mengerjakannya ataupun sebaliknya, merasakannya sebagai suatu beban? Dari itu, tema sambutan kali ini bagaimanakah sembahyang itu berperanan sebagai teras yang menjadikan kita umat yang cemerlang.

Beliau juga menerangkan para ulama dahulu, mereka sudah bersedia dari awal lagi, bukan setelah mengangkat *tabkiratul ihram* baru mencuba untuk khusyuk tetapi mesti dari awal lagi, dari mula mengambil air sembahyang sehinggalah selesai memberi salam.

"Tetapi sayangnya hadirin sekalian, senario pada zaman kita ini amat mendukacitakan, ada di kalangan orang, mengambil air wuduk pun sambil lewa, meringan-ringankan yang sunah, bahkan lebih menyedihkan lagi, ada yang ketika mana sedang menunggu iqamat masih sempat memeriksa telefon bimbitnya. Bagaimana solat kita akan khusyuk? Bagaimana kita kan meraih kejayaan yang Allah janjikan?" tegasnya lagi.

Oleh yang demikian tekannya, sembahyang ini memiliki peranan dan tujuannya yang tertentu antaranya ialah sebagai jalan bagi orang-orang yang bertakwa untuk



PEGAWAI Hal Ehwal Masjid, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin semasa menyampaikan Ceramah Khas bertajuk 'Sembahyang Teras Kecemerlangan Umat' pada sambutan tersebut.

menuju kepada Allah Subhanahu Wata'ala, sembahyang juga merupakan sebagai penyejuk hati, penenang jiwa dan syurga yang disegerakan bagi mereka yang cinta akannya kerana


apabila seseorang itu sudah cinta, suka mengerjakan sembahyang, ia akan merasakan nikmat, ketenangan, kelapangan yang tiada tandingannya setiap kali ia mendirikan sembahyang.

Inti pati Ceramah Khas Sambutan
Israk dan Mikraj Peringkat Negara
Tahun 1442H / 2021M

SEMBAHYANG TERAS KECEMERLANGAN UMAT

- Sembahyang merupakan tiang agama, syiar Islam dan jalan untuk mendapatkan syurga Allah Subhanahu Wata'ala.
- Ibadah sembahyang ditempatkan di kedudukan yang tinggi iaitu setelah dua kalimah syahadah di dalam rukun Islam.
- Ibadah sembahyang ini memiliki sangat banyak kelebihan jika ia dikerjakan dan antara kelebihan tersebut iaitu dengannya kesalahan-kesalahan akan dihapuskan dan dengannya juga ditinggikan darjat.
- Terapkan perkara-perkara berikut untuk mencapai kesempurnaan ibadah sembahyang, antaranya :

- 1
 Kita perlu memiliki kesedaran : sadar kita hamba Allah, sadar kita memiliki kewajiban, sadar kita akan kembali kepada Allah, sadar bahawasanya setiap amal perbuatan kita akan dihisab.
- 2
 Faham : fahami solat kita, setiap pergerakan, setiap bacaan dan memahami apa sebenarnya tujuan solat itu.
- 3
 Yang terakhir, setelah faham, kita berusaha untuk beramal, kalau di dalam sembahyang kita berjaya khusyuk, mampu mengingat Allah, berasa dekat dengan Allah, maka di luar sembahyang hendaknya kita berasakan perkara yang sama.





ANTARA yang hadir pada Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1442 Hijrah / 2021 Masihi.

KHEDN KONGSI GARIS PANDUAN PELAKSANAAN TAHAP 5

Siaran Akhbar :
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), sukacita memaklumkan bahawa berpandukan pada nasihat dan kenyataan media Kementerian Kesihatan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 dan Pengurangan Langkah-langkah Pengawalan Wabak COVID-19, pada 22 Rejab 1442 Hijrah bersamaan 6 Mac 2021 Masihi, KHEDN ingin mengongsikan garis panduan bagi pelaksanaan Tahap Kelima New Normal, bermula Isnin, 24 Rejab 1442H bersamaan 8 Mac 2021M, bagi sektor-sektor, seperti perkhidmatan penyajian makanan, di premis-premis makanan; perkhidmatan penyajian makanan, di gerai-gerai terbuka; pameran jualan, bazar atau ekspo; pawagam dan perkhidmatan juga kemudahan Establishmen Kesihatan dan Kecantikan (EKK).

Garis Panduan bagi Premis-premis Makanan, seperti restoran, kafe, dan *food court* adalah seperti berikut, iaitu bagi Pengusaha Premis Makanan, di mana Pengurus Premis Makanan dikehendaki untuk menyediakan Kod QR BruHealth yang khusus bagi premis mereka, seterusnya mencetak Kod QR tersebut dalam jumlah yang mencukupi dan dilekatkan di beberapa kawasan yang sesuai, seperti kawasan pintu masuk premis untuk diimbangi oleh pelanggan sebelum meninggalkan premis.

Bagi memudahkan pengunjung-pengunjung yang tidak mempunyai kemudahan untuk mengimbas Kod QR, Pengurus Premis Makanan boleh menyediakan buku daftar bagi mencatat butiran peribadi pengunjung. Premis makanan boleh beroperasi pada kadar kapasiti seperti biasa. Seterusnya, penyediaan makanan secara bufet adalah dibenarkan. Pekerja-pekerja premis makanan yang mengendalikan dan menyediakan makanan adalah digalakkan untuk sentiasa memakai sungkup muka yang bersesuaian dengan tugas pengendali makanan.

Pekerja premis makanan yang tidak sihat adalah dinasihatkan untuk tidak hadir bekerja. Mana-mana pengusaha-pengusaha premis makanan yang didapati tidak mematuhi syarat-syarat yang disebutkan tadi, boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204. Pengusaha-pengusaha premis makanan adalah dipohonkan untuk memberikan kerjasama untuk mematuhi arahan-arahan yang ditetapkan oleh pihak kerajaan dari semasa ke semasa.

Manakala bagi pengunjung premis makanan, para pengunjung hendaklah mengimbas Kod QR di premis. Para pengunjung yang tidak mempunyai kemudahan untuk mengimbas Kod QR, bolehlah mengisikan butiran peribadi ke dalam buku daftar yang disediakan oleh premis makanan.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengamalkan kebersihan diri, pada setiap masa, seperti kerap mencuci tangan atau menggunakan pensanitasi tangan juga menggunakan sungkup muka

apabila berada di kawasan yang penuh sesak. Orang ramai yang mempunyai tanda-tanda jangkitan adalah dinasihatkan untuk tidak mengunjungi premis makanan sehingga telah sembuh.

Manakala garis panduan bagi gerai-gerai terbuka adalah seperti berikut, bagi Pengusaha Gerai Terbuka, Pengurus Gerai-gerai Terbuka dikehendaki untuk menyediakan Kod QR BruHealth yang khusus bagi premis mereka, seterusnya mencetak Kod QR tersebut dalam jumlah yang mencukupi dan dilekatkan di beberapa kawasan yang sesuai, seperti kawasan pintu masuk premis untuk diimbangi oleh pelanggan sebelum masuk dan sejeurus sebelum meninggalkan premis.

Bagi memudahkan pengunjung-pengunjung yang tidak mempunyai kemudahan untuk mengimbas Kod QR, Pengurus Gerai boleh menyediakan buku daftar bagi mencatat butiran peribadi pengunjung. Jumlah pengunjung yang dibenarkan untuk masuk ke dalam premis gerai terbuka adalah dihadkan kepada 1,000 orang sahaja pada satu masa, mengikut garis pandu perkumpulan ramai (*mass gathering*) yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

Pengurus Gerai untuk mengadakan kawalan bersesuaian bagi kawasan gerai. Gerai-gerai Terbuka yang menyediakan perkhidmatan *dine-in* boleh beroperasi pada kadar kapasiti seperti biasa. Pekerja-pekerja Gerai-gerai Terbuka yang mengendalikan dan menyediakan makanan adalah digalakkan untuk sentiasa memakai sungkup muka yang bersesuaian dengan tugas Pengendali Makanan.

Peniaga Gerai Terbuka yang tidak sihat adalah dinasihatkan untuk tidak hadir berniaga. Mana-mana Pengusaha-pengusaha Gerai Makan yang didapati tidak mematuhi syarat-syarat yang disebutkan tadi, boleh dikenakan tindakan Undang-undang di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204. Pengusaha-pengusaha Gerai Makan adalah dipohonkan untuk memberikan kerjasama untuk mematuhi arahan-arahan yang ditetapkan oleh pihak kerajaan dari semasa ke semasa.

Kemudian, bagi Pengunjung Gerai Terbuka, para pengunjung hendaklah mengimbas Kod QR di premis. Para pengunjung yang tidak mempunyai kemudahan untuk mengimbas Kod QR, bolehlah mengisikan butiran peribadi ke dalam buku daftar yang disediakan oleh pihak pengurusan gerai. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengamalkan kebersihan diri pada setiap masa, seperti kerap mencuci tangan atau menggunakan pensanitasi tangan juga menggunakan sungkup muka apabila berada di kawasan yang penuh sesak. Orang ramai yang mempunyai tanda-tanda jangkitan adalah dinasihatkan untuk tidak mengunjungi gerai makan sehingga telah sembuh.

Manakala garis panduan bagi kebenaran bagi mengadakan pameran jualan, bazar dan ekspo pula adalah seperti berikut, iaitu bagi penganjur, di mana pihak

penganjur dikehendaki untuk menyediakan Kod QR BruHealth yang khusus, seterusnya mencetak Kod QR tersebut dalam jumlah yang mencukupi dan dilekatkan di beberapa kawasan yang sesuai, seperti kawasan pintu masuk premis untuk diimbangi oleh pelanggan sebelum masuk dan sejeurus sebelum meninggalkan premis. Bagi memudahkan pengunjung-pengunjung yang tidak mempunyai kemudahan untuk mengimbas Kod QR tersebut, pihak penganjur adalah dikehendaki untuk menyediakan buku daftar bagi mencatat butiran peribadi pengunjung.

Jumlah pengunjung yang dibenarkan untuk masuk ke dalam pameran jualan, bazar atau ekspo adalah dihadkan kepada 1,000 orang sahaja pada satu masa, mengikut garis pandu perkumpulan ramai (*mass gathering*) yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan. Pengurus premis / penganjur digalakkan menyediakan pensanitasi tangan, di pintu-pintu masuk kawasan pameran jualan, bazar atau ekspo.

Pengurus Premis / Penganjur untuk mengadakan kawalan bersesuaian bagi kawasan pameran jualan, bazar atau ekspo. Pekerja bagi pameran jualan, bazar atau ekspo, khususnya Pengendali / Penyedia Makanan adalah digalakkan untuk menggunakan penutup muka yang bersesuaian dengan tugas Pengendali Makanan.

Pihak Pengurus Premis / Penganjur adalah digalakkan untuk mengadakan pemeriksaan suhu badan pengunjung sebelum memasuki pameran jualan, bazar atau ekspo. Mana-mana pekerja pameran jualan, bazar atau ekspo yang tidak sihat adalah dinasihatkan untuk tidak hadir bekerja.

Penganjur yang mengadakan pameran jualan, bazar atau ekspo yang melibatkan bidang kuasa KHEDN, hendaklah menghadapkan permohonan kepada pihak KHEDN melalui Sistem OneBiz. Sebarang pertanyaan, bolehlah menghubungi Talian Darussalam 123. Mana-mana Penganjur Pameran Jualan, Bazar atau Ekspo yang didapati tidak mematuhi syarat-syarat yang disebutkan tadi, boleh dikenakan tindakan Undang-undang di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204.

Penganjur Pameran Jualan, Bazar atau Ekspo adalah dipohonkan untuk memberikan kerjasama untuk mematuhi arahan-arahan yang ditetapkan oleh pihak kerajaan dari semasa ke semasa.

Seterusnya, bagi pengunjung, para pengunjung hendaklah mengimbas Kod QR sebelum memasuki kawasan pameran jualan, bazar atau ekspo. Para pengunjung yang tidak mempunyai kemudahan untuk mengimbas Kod QR, bolehlah mengisikan butiran peribadi ke dalam buku daftar yang disediakan oleh pihak penganjur.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengamalkan kebersihan diri pada setiap masa, seperti kerap mencuci tangan atau menggunakan pensanitasi tangan juga menggunakan sungkup muka apabila berada di kawasan yang penuh sesak. Orang ramai yang mempunyai tanda-tanda jangkitan adalah di nasihatkan untuk tidak mengunjungi pameran jualan, bazar atau ekspo sehingga telah

sembuh.

Kemudian, garis panduan bagi pawagam pula adalah seperti berikut, iaitu bagi penganjur, iaitu Pengurus Pawagam adalah dikehendaki untuk menyediakan Kod QR BruHealth, di setiap pawagam untuk diimbangi oleh pengunjung sebelum masuk dan sejeurus sebelum meninggalkan premis. Bagi memudahkan pengunjung-pengunjung yang tidak mempunyai kemudahan untuk mengimbas Kod QR tersebut, Pengurus Pawagam adalah dikehendaki untuk menyediakan buku daftar bagi mencatat butiran peribadi pengunjung.

Pihak Pengurus Pawagam adalah dibenarkan beroperasi dengan jumlah kapasiti biasa (*normal capacity*) ruang duduk pawagam berkenaan dan tidak dikenakan had umur. Pihak Pengurus Pawagam adalah digalakkan untuk menyediakan pensanitasi tangan bagi setiap pengunjung.

Pihak Pengurus Pawagam adalah digalakkan untuk membuat pemeriksaan suhu badan pengunjung sebelum memasuki pawagam. Mana-mana Pekerja Pawagam yang tidak sihat adalah dinasihatkan untuk tidak hadir bekerja. Pemilik atau Pengusaha Pawagam adalah dipohonkan untuk memberikan kerjasama untuk mematuhi arahan-arahan yang ditetapkan oleh pihak kerajaan dari semasa ke semasa.

Seterusnya, bagi pengunjung, para pengunjung hendaklah mengimbas Kod QR di pawagam. Para pengunjung yang tidak mempunyai kemudahan untuk mengimbas Kod QR, bolehlah mengisikan butiran peribadi ke dalam buku daftar yang disediakan oleh pihak pengurusan pawagam.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengamalkan kebersihan diri pada setiap masa, seperti kerap mencuci tangan atau menggunakan pensanitasi tangan juga menggunakan sungkup muka apabila berada di kawasan yang penuh sesak. Orang ramai yang mempunyai tanda-tanda jangkitan adalah dinasihatkan untuk tidak mengunjungi pawagam sehingga telah sembuh.

Garis Panduan bagi Perkhidmatan dan Kemudahan EKK pula adalah seperti berikut, iaitu bagi Pengurus Premis EKK, di mana pengurus dikehendaki untuk menyediakan Kod QR BruHealth yang khusus bagi premis mereka, seterusnya mencetak Kod QR tersebut dalam jumlah yang

mencukupi dan dilekatkan di beberapa kawasan yang sesuai, seperti kawasan pintu masuk premis.

Bagi memudahkan pelanggan-pelanggan yang tidak mempunyai kemudahan untuk mengimbas Kod QR, pengurus boleh menyediakan buku daftar bagi mencatat butiran peribadi pelanggan.

EKK adalah dibenarkan untuk beroperasi dengan jumlah kapasiti biasa. EKK adalah digalakkan untuk membuat pemeriksaan suhu badan pelanggan sebelum memasuki premis. EKK adalah digalakkan untuk menyediakan pensanitasi tangan berdekatan dengan pintu masuk premis EKK. Semua pekerja adalah digalakkan untuk menggunakan sungkup muka (*face mask*) semasa menjalankan rawatan atau aktiviti EKK.

Pengurus Premis EKK adalah dinasihatkan untuk memastikan semua pekerja untuk sentiasa menjaga kebersihan diri. Pengurus Premis EKK adalah dinasihatkan untuk memastikan ruang premis EKK dan ruang rehat pekerja untuk sentiasa bersih pada setiap waktu. Pekerja Premis EKK yang tidak sihat adalah dinasihatkan untuk tidak hadir bekerja.

Memastikan semua peralatan yang digunakan untuk dibersihkan atau disterilisasikan setelah digunakan. Mana-mana premis EKK yang didapati tidak mematuhi syarat-syarat yang disebutkan tadi, boleh dikenakan tindakan Undang-undang di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204. Pengurus Premis EKK adalah dipohonkan untuk memberikan kerjasama untuk mematuhi arahan-arahan yang ditetapkan oleh pihak kerajaan dari semasa ke semasa.

Bagi pelanggan pula, para pelanggan hendaklah mengimbas Kod QR di Premis EKK. Para pelanggan yang tidak mempunyai kemudahan untuk mengimbas Kod QR, bolehlah mengisikan butiran peribadi ke dalam buku daftar yang disediakan oleh pihak pengurusan premis.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengamalkan kebersihan diri pada setiap masa, seperti kerap mencuci tangan atau menggunakan pensanitasi tangan. Orang ramai yang mempunyai tanda-tanda jangkitan adalah dinasihatkan untuk tidak mengunjungi Premis EKK sehingga telah sembuh. Pelanggan adalah digalakkan untuk membuat janji temu awal sebelum menjalankan perkhidmatan atau rawatan di Premis EKK.

Untuk maklumat lanjut, para Pengurus Premis-premis Makanan, Gerai-gerai Terbuka, Pameran Jualan, Bazar atau Ekspo, Pawagam dan EKK juga orang ramai, bolehlah melayari Laman Sesawang KHEDN di www.moha.gov.bn.



Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda

BINCANG CARA TERBAIK MEMAHAMI PRAKTIK PENGURUSAN PADI



NAIB Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) semasa sesi bergambar ramai pada Bengkel Penanaman Padi bagi Sistem Smart Watering (SWS).

TUNGKU LINK, Rabu, 10 Mac. - Berkenaan dengan kesan pengeluaran padi, seperti kualiti tanah, akses ke pengairan dan perubahan iklim, Universiti Teknologi Brunei (UTB) berhasrat untuk membantu dalam mengurangkan masalah tersebut juga memberi jalan penyelesaian dalam meningkatkan penanaman padi di Brunei melalui pelbagai projek penyelidikan, yang

melibatkan sains dan teknologi.

Naib Canselor UTB, Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman, yang hadir selaku tetamu kehormat, berkata demikian, pada Bengkel Penanaman Padi bagi Sistem Smart Watering (SWS), yang diadakan secara maya dan fizikal, di Lecture Theatre 2, Kompleks Perpustakaan, universiti berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Teknologi Brunei

Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah, seterusnya melahirkan rasa gembira mengetahui bahawa UTB telah bekerjasama erat untuk meneroka keupayaan penyelidikan dengan kerjasama rakan sejawat Jepun melalui projek penyelidikan melalui ASEAN IVO NICT, JASTIP, JICA dan beberapa universiti kebangsaan, yang ditubuhkan di Jepun, iaitu Osaka dan Hokkaido.

Beliau juga turut gembira kerana UTB menjelajah dan memperluaskan jaringan mereka dengan badan penyelidikan terkenal dan mapan, di Jepun juga organisasi dan universiti tempatan.

Bukan itu sahaja, beliau memahami bahawa bengkel tersebut adalah platform bagi para akademik, pelajar penyelidikan, pembuat dasar dan pengamal untuk berkongsi juga membincangkan penemuan penyelidikan mereka dan analisis kritikal mengenai isu-isu semasa, di Ladang Padi.

Terdahulu, acara tersebut dimulakan dengan ucapan aluan-aluan oleh Country Lead SWS Paddy dan Penolong Profesor di UTB, Dr. Wida Susanty binti Haji Suhaili, yang menyatakan penyelidikan mengenai projek padi, bermula pada tahun 2018 semasa

diterima oleh ASEAN ICT Virtual Organisation (ASEAN IVO).

Tambah Dr. Wida Susanty lagi, ia juga mula di Jepun, di mana mereka didedahkan mengenai kemajuan teknologi, seperti bagaimana data berkomunikasi melalui rangkaian Nervenet yang mengguna pakai Mesh konsep rangkaian. Peluang itu berkembang ketika mereka melakukan lawatan ke Myanmar dan Thailand untuk memahami konteks lebih jauh dalam rantau ASEAN.

Acara diikuti dengan ucapan daripada Pengarah Jabatan Perikatan Global, National Institute of Information and Communications Technology (NICT) Jepun, Masugi Inoue.

Bengkel ini dianjurkan oleh UTB, di bawah Institut ASEAN IVO dan NICT.

Dengan tema 'Lessons Learned on Paddy within the Region', acara bertujuan untuk membincangkan cara terbaik untuk memahami praktik terbaik dalam pengurusan padi.

Bengkel ini menghimpunkan pakar, terdiri daripada organisasi dan universiti tempatan juga serantau, iaitu Jabatan Pertanian dan Agrimakanan (DAA), Brunei Shell Petroleum Company Sdn.



NAIB Canselor UTB semasa berucap.

Bhd. (BSP), Universiti Brunei Darussalam (UBD), Zeigler Experiment Station of International Rice Research Institutes (ZES IRRRI) dari Filipina, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) dari Malaysia, Pusat Teknologi Elektronik dan Komputer Nasional (NECTEC) dari Thailand, Institut Pertanian Bogor (IPB) dari Indonesia, dan UTB telah menyampaikan pengalaman mereka dalam bidang yang berkaitan dengan padi dalam empat sesi, iaitu pertama, Industri Padi Brunei; kedua, Amalan Terbaik Antarabangsa; ketiga, Penerapan Teknologi; dan keempat, Amalan Terbaik Dengan Rantau.

Acara ini juga dihadiri oleh Pegawai-pegawai UTB, penyelidik dan pihak berkepentingan yang berkaitan.

Pelajar cemerlang SM YSHHB terima Anugerah Akademik

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BERAKAS, Rabu, 10 Mac. - Seramai 46 daripada 66 pelajar, iaitu 70 peratus Pelajar Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB) berjaya mendapatkan sekurang-kurangnya 5 'O' dalam Peperiksaan 'O' Level pada tahun 2020.

Pencapaian tersebut merupakan pencapaian kedua terbaik yang pernah dicapai oleh sekolah berkenaan setelah seramai 75

peratus pelajar berjaya mendapatkan sekurang-kurangnya 5 'O' dalam Peperiksaan 'O' Level pada tahun sebelumnya.

Walau bagaimanapun, keputusan Peperiksaan 'O' Level berkenaan menunjukkan peningkatan kualitatif setelah 100 peratus Pelajar Ekspres dari SM YSHHB berjaya mendapatkan sekurang-kurangnya 5 hingga 10 kredit dengan keputusan 'A Stars'

dalam pelbagai mata pelajaran (subjek).

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pengetua SM YSHHB, Chong Li Chen semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya, pada Majlis Anugerah Akademik bagi BC-GCE 'O' Level Tahun 2020, yang

berlangsung di Dewan Serbaguna, SM YSHHB, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil dan anugerah kepada para pelajar, Ketua Pegawai Eksekutif Sekolah YSHHB, Awang Mohamed Fliti bin Abdel Majed.

Atur cara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan Lagu Rasmi SM YSHHB, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai.

Acara juga diisikan dengan ucapan yang disampaikan oleh wakil pelajar, Dayangku Nur Salsabila binti Pengiran Mohd. Salimin yang berjaya memecahkan rekod sekolah dengan keputusan 10 'Straight A' dengan 9 'A Stars'.

Dayangku Nur Salsabila, dalam ucapannya, mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu bapa, Guru-guru SM YSHHB dan semua yang memainkan peranan penting dalam perjalanan beliau untuk mencapai keputusan berkenaan.



KETUA Pegawai Eksekutif Sekolah YSHHB, Awang Mohamed Fliti bin Abdel Majed menyampaikan sijil dan anugerah kepada salah seorang pelajar yang diraikan pada Majlis Anugerah Akademik bagi BC-GCE 'O' Level Tahun 2020.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Derma Darah Bantu Selamatkan Nyawa'. Tarikh Tutup : 17 Mac 2021
- 'Sokong Produk Keluaran Tempatan'. Tarikh Tutup : 24 Mac 2021
- 'Tanamkan Sikap Tidak Camah Mata'. Tarikh Tutup : 31 Mac 2021

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :


SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
 Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
 Lapangan Terbang Lama, Berakas
 Bandar Seri Begawan, BB3510
 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
 SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

MAKLUMAN IKLAN JAWATAN KOSONG

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN ATAU DENGAN MENGIMBAS KOD QR DI BAWAH.



LIHAT IKLAN
JAWATAN KOSONG



 PSC.BN



+673 7371961



PSC.BN



PSC.BN



query@spa.gov.bn

BIL.	JAWATAN & KOD IKLAN	JABATAN / KEMENTERIAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN	TEMPAT MENGHANTAR BORANG
01.	PENOLONG JURULATIH SUKAN [C.3-4 EB.5] 2021/008/17	BAHAGIAN PENDIDIKAN MENENGAH, JABATAN-JABATAN SEKOLAH, KEMENTERIAN PENDIDIKAN	1	7(A)	20 MAC 2021	N/A
02.	PEGAWAI MELESEN [C.1-2 EB.3] 2021/009/05	JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA, KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	1	7(A)	20 MAC 2021	N/A
03.	PENGURUS TEKNIK STUDIO [B.2] 2021/009/06	JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI, JABATAN PERDANA MENTERI	2	38(B)	20 MAC 2021	N/A
04.	PENGUASA [B.2] 2021/009/04	JABATAN KERJA RAYA, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	6	38(B)	20 MAC 2021	N/A
05.	PENOLONG PENGARAH PENGANGKUTAN DARAT [B.3 / B.2 EB.3 / B.2] 2021/009/03	JABATAN PENGANGKUTAN DARAT, KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI	3	7(A)	22 MAC 2021	N/A
06.	PEGAWAI KESIHATAN AWAM [B.2 EB.3] 2021/009/07	JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN ALAM SEKITAR, KEMENTERIAN KESIHATAN	1	7(A)	22 MAC 2021	N/A
07.	PENYELENGGARA STOR TINGKAT KHAS [C.2 EB.3] 2021/008/19	JABATAN-JABATAN KERAJAAN	1	7(A)	22 MAC 2021	N/A



**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

TAWARAN UNTUK MEMAJUKAN
TAPAK-TAPAK BAGI PERUSAHAAN
PERTANIAN KOMERSIAL DI KAWASAN
KEMAJUAN PERTANIAN (KKP)

BILANGAN : 02 / 2021

Tarikh Akhir Penghantaran
Borang Permohonan :



24 Mac 2021
sebelum jam 3.00 Petang.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0005 / 2021

JUALAN LELONG SECARA
TAWARAN SEBUT HARGA

1. Keterangan :
SANGKAR IKAN HDPE

Banyak : 12 PETAK

Penempatan :
TANJONG PELUMPONG



Waktu bagi melihat barang lelongan
ialah pada 8 Mac 2021 (Isnin) hingga
15 Mac 2021 (Isnin)
Pagi : 9.00 Pagi hingga 11.00 Pagi
(Pada hari-hari waktu bekerja sahaja)



**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

JABATAN PENGAJIAN ISLAM,
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
TAWARAN RANCANGAN
PEMAKANAN
SEKOLAH ARAB DAN ASRAMA
[BAHAGIAN PENYAJIAN
MAKANAN
DAN MINUMAN SECARA
BERHIDANG DAN BERTAPAUJ]

BILANGAN TAWARAN :
KHEU / JPI / PMM / SA BELAIT / 08

NAMA SEKOLAH :
Sekolah Arab Belait, Daerah Belait

BAYARAN DOKUMEN :
BND30.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)



Tarikh akhir menghantar
borang tawaran :
Selasa, 2 Syaaban 1442H / 16 Mac
2021M, sebelum jam 2.00 Petang.



**PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

1. Bilangan Sebut Harga :
001 / HQ / 2020 - M (LELONG)

Keterangan Harta Benda :
M150 SERIES ULTRA SLIME Line
Inflatable PFD Type
(SMA 1501 M150 Manual Inflation)
Jumlah : 35 nos

2. Bilangan Sebut Harga :
002 / HQ / 2020 - M (LELONG)

Keterangan Harta Benda :
Life Vest Type III



Jumlah : 27 nos

Tarikh tutup menghantar borang :
Isnin, 29 Mac 2021, jam 10.00 Pagi

Dari muka 21

BIL.	JAWATAN & KOD IKLAN	JABATAN / KEMENTERIAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN	TEMPAT MENGHANTAR BORANG
08.	GURU UGAMA TERLATIH TINGKAT KHAS [G.5] 2021/009/02	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	4	38(A)	22 MAC 2021	N/A
09.	MAJISTRET / PENDAFTAR MAHKAMAH BESAR [B.2 EB.3] (01)SPA/2/2007/21	JABATAN KEHAKIMAN NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI	5	7(A) GAJI HARI	24 MAC 2021	BAHAGIAN SUMBER TENAGA MANUSIA, JABATAN KEHAKIMAN NEGARA, TINGKAT I, BANGUNAN MAHKAMAH BESAR BRUNEI DAN MAHKAMAH- MAHKAMAH SYARIAH, PINTU 'D', JALAN STONEY, BANDAR SERI BEGAWAN, BS8610, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM
MAHKAMAH TINGGI
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DI BANDAR SERI BEGAWAN**

KES NO. BCY / CP / 224 / 2013

BAIDURI FINANCE BERHAD
(previously filed by HSBC Finance (B)
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**MOHAMMAD FENDY EWANDY
BIN JAINI / KHALID**
(BYIC No. 00-306631)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh 10 September 2020.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan pemiutang-
pemiutang mengenai perkara di atas
akan diadakan di Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-1)
Mahkamah Besar pada 17 Mac 2021,
jam 9.30 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di
sana bukti-bukti kamu mestilah
diserah-simpan kepada saya tidak lewat
dari 24 jam sebelum waktu yang
ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di
perjumpaan ini mestilah diserahkan-
simpan kepada saya tidak lewat dari 24
jam sebelum waktu yang telah ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang
adalah ditetapkan pada 17 Mac 2021, jam
9.30 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang
telah menyerahkan bukti, atau wakil-
wakilnya yang diberi kuasa secara
bertulis, bolehlah menyoal penghutang
semasa pemeriksaan awam penghutang,
mengenai dengan hal-halnya dan juga
sebab kegagalannya.

Bertarikh : 20 Januari 2021

MUHD MUZAKKIR BIN HAJI ZAKARIA
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 10 / 2020

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BERHAD**
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

HALMEY ANAK TAIP
(BPIC No. 30-210493)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh 27 Ogos 2020.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan pemiutang-
pemiutang mengenai perkara di atas
akan diadakan di Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-6)
Mahkamah Besar pada 18 Mac 2021,
jam 3.00 petang.

Bagi membolehkan kamu mengundi di
sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-
simpan kepada saya tidak lewat dari
24 jam sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di
perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan

kepada saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang telah ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang
adalah ditetapkan pada 18 Mac 2021, jam
3.00 petang di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang
telah menyerahkan bukti, atau wakil-
wakilnya yang diberi kuasa secara
bertulis, bolehlah menyoal penghutang
semasa pemeriksaan awam penghutang,
mengenai dengan hal-halnya dan juga
sebab kegagalannya.

Bertarikh : 14 Disember 2020

**DK. SITI NURSU'AI DAH BINTI
PG JUFRIZAR @ PG TAJUDDIN**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 348 / 2019

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BERHAD**
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**MUHAMMAD AZMI
BIN MUHAMMAD APONG /
JESMI BIN APONG**
(BYIC No. 00-279658)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh 12 November 2020.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan pemiutang-
pemiutang mengenai perkara di atas
akan diadakan di Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-1)
Mahkamah Besar pada 17 Mac 2021,
jam 11.00 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di
sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-
simpan kepada saya tidak lewat dari 24
jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di
perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan
kepada saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang telah ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang
adalah ditetapkan pada 17 Mac 2021,
jam 11.00 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang
telah menyerahkan bukti, atau wakil-
wakilnya yang diberi kuasa secara
bertulis, bolehlah menyoal penghutang
semasa pemeriksaan awam penghutang,
mengenai dengan hal-halnya dan juga
sebab kegagalannya.

Bertarikh : 21 Januari 2021

**MUHD MUZAKKIR BIN
HAJI ZAKARIA**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 434 / 2018

**PERBADANAN TABUNG AMANAH
ISLAM**
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

NORYANI BINTI TARMIDI
(BYIC No. 00-120288)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh 10 Oktober 2020.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan pemiutang-
pemiutang mengenai perkara di atas
akan diadakan di Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-1)
Mahkamah Besar pada 18 Mac 2021,
jam 9.30 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di
sana bukti-bukti kamu mestilah
diserah-simpan kepada saya tidak lewat
dari 24 jam sebelum waktu yang
ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di
perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan
kepada saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang telah ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang
adalah ditetapkan pada 18 Mac 2021, jam
9.30 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang
telah menyerahkan bukti, atau wakil-
wakilnya yang diberi kuasa secara
bertulis, bolehlah menyoal penghutang
semasa pemeriksaan awam penghutang,
mengenai dengan hal-halnya dan juga
sebab kegagalannya.

Bertarikh : 21 Januari 2021

**MUHD MUZAKKIR
BIN HAJI ZAKARIA**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 160 / 2018

**PERBADANAN TABUNG AMANAH
ISLAM**
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

SHAHARIMAN BIN HAJI MOKSIN
(BYIC No. 00-265959)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh 7 Januari 2021.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan pemiutang-
pemiutang mengenai perkara di atas
akan diadakan di Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-1)
Mahkamah Besar pada 17 Mac 2021,
jam 10.00 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di
sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-
simpan kepada saya tidak lewat dari 24
jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di
perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan

kepada saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang telah ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang
adalah ditetapkan pada 17 Mac 2021, jam
10.00 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang
telah menyerahkan bukti, atau wakil-
wakilnya yang diberi kuasa secara
bertulis, bolehlah menyoal penghutang
semasa pemeriksaan awam penghutang,
mengenai dengan hal-halnya dan juga
sebab kegagalannya.

Bertarikh : 25 Januari 2021

**MUHD MUZAKKIR
BIN HAJI ZAKARIA**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 100 / 2012

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BERHAD**
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

TAN AH CHEE @ TAN SENG KEE
(BGIC No. 50-146782)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh 7 Januari 2021.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan pemiutang-
pemiutang mengenai perkara di atas
akan diadakan di Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-1)
Mahkamah Besar pada 18 Mac 2021,
jam 10.00 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di
sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-
simpan kepada saya tidak lewat dari 24
jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di
perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan
kepada saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang telah ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi
Penghutang adalah ditetapkan pada
18 Mac 2021, jam 10.00 pagi di
Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang
telah menyerahkan bukti, atau wakil-
wakilnya yang diberi kuasa secara
bertulis, bolehlah menyoal penghutang
semasa pemeriksaan awam penghutang,
mengenai dengan hal-halnya dan juga
sebab kegagalannya.

Bertarikh : 25 Januari 2021

**MUHD MUZAKKIR
BIN HAJI ZAKARIA**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

NOTIS SEBUT HARGA

BILANGAN TAWARAN :
RTB / K / 204 / 20 - 21

TAJUK TAWARAN :
PENERBITAN PROGRAM TV,
BAHAGIAN RANCANGAN TV, RTB.



TARIKH TUTUP :
Rabu, 24 Mac 2021, jam 2.00 Petang

LATIH BELIA BERDISIPLIN, BERDIKARI



AWANG Muhammad Nur Ridhwan @ Raiezwan bin Radimas.



AWANG Abdurrauf bin Abdul Aziz.

perasaan gembira setelah menamatkan latihan dan bersyukur kerana diberikan peluang, seterusnya dapat menimba pengalaman yang berharga semasa menjalani latihan di PKBN selama tiga bulan.

Penerima Anugerah Pelatih Lelaki Terbaik Keseluruhan PKBN Pengambilan Ke-10, Awang Muhammad Nur Ridhwan @ Raiezwan bin Radimas, 18 tahun melahirkan rasa kagum dan tidak percaya kerana terpilih sebagai penerima anugerah tersebut.

Awang Muhammad Nur Ridhwan @ Raiezwan juga berasa amat bersyukur kerana dapat dicalonkan dan dipilih sebagai Pelatih Lelaki Terbaik Keseluruhan PKBN Pengambilan Ke-10.

Apabila ditanya mengapa mahu menyertai program berkenaan, jelasnya, pada awalnya ia adalah untuk persediaan sebelum beliau memohon memasuki Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) nanti.

"Alhamdulillah saya telah mencapai apa yang saya inginkan," ujarnya.

Sementara itu, penerima Anugerah Pelatih Perempuan Terbaik Keseluruhan Pengambilan Ke-10, Dayangku Ardini Haziqah binti Pengiran Haji Mohd. Ali, 17 tahun, pula menjelaskan, beliau berasa sangat bangga dan berbesar hati kerana terpilih untuk menjadi Pelatih Perempuan Terbaik Keseluruhan.



DAYANG Ummi Salmah binti Awang Haji Mohd. Firdaus.

"Saya menyertai PKBN ini atas dorongan ibu saya yang memberi galakan kepada saya untuk menyertai PKBN Ke-10. Pengalaman sepanjang menjalani latihan di PKBN, memang terlalu banyak pengalaman yang saya alami dan salah satunya adalah semasa di Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD). Di sana, saya belajar untuk sentiasa kuat dan tabah walaupun berjauhan dari keluarga tersayang," jelasnya.

Menyentuh mengenai perancangan setelah tamat latihan ini, beliau berkata akan menyambung pembelajaran beliau di Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah.

Pelatih PKBN Pengambilan Ke-10, Awang Abdurrauf bin Abdul Aziz, 20 tahun semasa ditemui pula menjelaskan, setelah berjaya menamatkan latihan PKBN ini, beliau berasa gembira kerana dapat bertemu keluarga dan perasaan sedikit sedih kerana meninggalkan teman-teman sesama pelatih yang lain.

Melalui penyertaan di PKBN ini, tambahnya lagi, beliau banyak belajar dari segi mendisiplinkan diri, seperti bangun awal setiap hari dan makan bersama pelatih yang lain juga sering bekerjasama dengan rakan pelatih dalam



DAYANG Qurratuain Qhadijah binti Dr. Alzazy.

mengharungi cabaran semasa menjalani latihan di PKBN.

Bagi Pelatih PKBN, Dayang Ummi Salmah binti Awang Haji Mohd Firdaus, 18 tahun pula menjelaskan, bahawa beliau menyertai PKBN ini untuk mencari pengalaman dan menerusi program berkenaan beliau mempelajari banyak perkara, seperti kawad.

Menyentuh mengenai perasaan setelah berjaya menamatkan latihan, beliau melahirkan perasaan sangat gembira setelah berjaya menamatkan latihan PKBN yang mengambil masa latihan selama tiga bulan itu.

Manakala bagi Dayang Qurratuain Qhadijah binti Dr. Alzazy, 18 tahun, menyatakan perasaan bercampur baur setelah tamat latihan tersebut, di mana melalui program ini, ia mengajar dirinya tentang disiplin, penjagaan masa yang baik, malah beliau beruntung kerana dapat mempelajari banyak pengalaman di kem berkenaan. Menyentuh mengenai perancangan selepas tamat latihan, beliau berkata akan melanjutkan pembelajaran beliau ke peringkat yang lebih tinggi lagi.

Berita dan Foto : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

TEMBURONG, Rabu, 10 Mac. - Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) bertujuan bagi menambah pengetahuan dan pengalaman pelatih-pelatih juga memberi peluang kepada mereka untuk mengeratkan semangat berpasukan yang tinggi dan kemantapan semangat patriotisme juga kesetiaan kepada raja, agama dan negara juga tuntutan Wawasan Brunei 2035.

Dalam hubungan ini, para Pelatih PKBN Pengambilan Ke-10 berjaya menamatkan latihan mereka dan diraikan pada Upacara Perbarisan Tamat Latihan, yang berlangsung di Padang Kawad, Kem Latihan PKBN, Batu Apoi, di sini.

Pada kesempatan ini, Pelita Brunei menemu bual beberapa Pelatih Pengambilan Ke-10 PKBN, yang rata-ratanya melahirkan

Jana pendapatan melalui hasil tanaman

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Mac. - Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) melalui Bahagian Hal Ehwal Muslimah dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sinaut, Daerah Tutong, buat kali keduanya mengadakan Taklimat Menjana Pendapatan melalui Hasil Tanaman kepada para Muslimah Masjid.

Seramai 90 Muslimah Masjid mengikuti taklimat tersebut, yang diadakan di Masjid Kampung Sinaut.

Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk memberi pengetahuan dan memupuk minat para Muslimah Masjid untuk turut terlibat sama dalam menjaga kecantikan halaman masjid dengan pohon bunga-bunga juga buah-buahan yang subur.

Selain itu, ia juga untuk

menanamkan rasa tanggungjawab dan kecintaan untuk sama-sama berganding bahu bagi memelihara kawasan juga keindahan halaman masjid dan memberi peluang kepada para Muslimah Masjid bercucuk tanam di rumah, seterusnya dapat menjana penghasilan rezeki yang halal.

Taklimat tersebut diisikan dengan perkongsian mengenai tatacara berkebun, yang disampaikan oleh Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Awang Hirman bin Haji Abu.

Melalui taklimat ini diharap dapat mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan para Muslimah Masjid dalam aktiviti berkebun, di samping memberi pengetahuan



PEMANGKU Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Awang Hirman bin Haji Abu semasa mengongsikan tatacara berkebun.

tatacara bercucuk tanam yang lebih efektif.

Ia juga dihasrat menjadikan aktiviti bercucuk tanam sebagai salah satu aktiviti sihat dan bermanfaat.

Program seumpama ini juga akan dapat memberi manfaat dan menambah ilmu pengetahuan para Muslimah Masjid dalam berkebun juga bercucuk tanam sehingga dapat memberi peluang kepada mereka untuk sama-sama berganding bahu dalam usaha menjaga dan mencantikkan halaman masjid secara tidak langsung juga menjadikan kegiatan bertani ini sebagai salah satu aktiviti yang sihat dan menjana pendapatan.

PARA Muslimah Masjid semasa mengikuti Program Menjana Pendapatan Melalui Hasil Tanaman.



DARI MAHKAMAH

Penjara 3 bulan jika gagal membayar denda

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Mac. - Seorang lelaki, warga tempatan, dikenakan denda BND1,500 dan jika gagal, dijatuhkan tiga bulan penjara, di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27, di Mahkamah Majistret.

Majistret Kamaliah Fadhilah binti Haji Ibrahim menetapkan ke atas defendan, Mohammad Serizal Sham bin Haji Seruji / Haji Serudin, berumur 43 tahun, bagi membayar denda tersebut hingga tempoh 1 September 2021.

Mohammad Serizal Sham didakwa, di bawah Seksyen 6(b) memakan dadah terkawal jenis 'A', Methylamphetamin, di mana hasil ujian air kencing defendan juga didapati mengandungi positif dadah.

Dalam pendakwaan yang dijalankan oleh Pegawai Pendakwa, Md. Syazwan bin Hairul juga menyatakan, bahawa defendan sebelum ini tidak mempunyai rekod kesalahan lalu, di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27.

SEMAI CINTA KEPADA RAJA, AGAMA, NEGARA



PROGRAM Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD)' anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Komunikasi Strategik.

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Mac. - Seramai 135 penuntut Tahun 7 Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab, Lumapas menghadiri Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei

Darussalam (NBD)', bertempat di dewan sekolah berkenaan.

Juga hadir pada program tersebut, Pengetua Sekolah, Dayang Sinasuria binti Haji Ibrahim dan tenaga pengajar. Program anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Komunikasi Strategik merupakan sebagai salah satu usaha berterusan jabatan tersebut dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa juga negara.

Antara hasrat program tersebut diadakan ialah agar ia dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan tinggi dalam diri penuntut. Taklimat Kenegaraan disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Dayang Zurairah binti Haji Lisa, yang antara lain menyentuh mengenai raja kita, tatacara menaik-kibarkan Bendera Negara dan sejarah Lagu Kebangsaan NBD 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Dalam program tersebut, para penuntut juga berpeluang menyaksikan Klip Video 'Kibarkanlah dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan Video Animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara'.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.

PEGAWAI Luar Penerangan, Dayang Zurairah binti Haji Lisa menyampaikan Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan NBD kepada penuntut Tahun 7 Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab, Lumapas (kanan dan bawah).



PEMERIKSAAN dijalankan ke atas warga asing semasa Operasi Langis Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Mac. - Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Bandar Seri Begawan (BSB) menjalankan Operasi Langis JIPK 38/2021 di beberapa buah lokasi, di sekitar Mukim Pengkalan Batu, Mukim Kianggeh dan Mukim Gadong 'A', pada awal pagi tadi, diketuai oleh Ketua Pegawai Imigresen berserta 18 anggotanya.

Pemeriksaan di lokasi pertama, di sebuah rumah dua tingkat, di Kampung Batu Ampar, Jalan Limau Manis, Mukim Pengkalan Batu, yang menahan dua warganegara asing kerana gagal menunjukkan sebarang dokumen yang sah sewaktu pemeriksaan.

Manakala di lokasi kedua, di sebuah rumah kayu, belakang Flat Pangsa Ali, Jalan Kianggeh, Mukim Kianggeh pula memeriksa seramai tiga warganegara asing, yang tinggal di rumah tersebut. Hasil daripada pemeriksaan menahan salah seorang daripada penghuni di rumah tersebut, iaitu perempuan, warganegara

asing kerana gagal mengemukakan sebarang dokumen yang sah sewaktu pemeriksaan dijalankan.

Di lokasi ketiga, juga di Mukim Kianggeh, pihak Penguatkuasa JIPK membuat pemeriksaan ke atas bilik-bilik sewa, di Simpang 38, Jalan Kianggeh, yang didiami oleh enam warga asing. Hasil daripada pemeriksaan tersebut, seramai tiga daripada warga asing berkenaan ditahan kerana gagal menunjukkan dokumen yang sah, manakala seorang lagi warga asing tersebut ditahan kerana tersenarai, di dalam senarai pekerja lari daripada majikan.

Pemeriksaan di lokasi terakhir, di bilik sewa No. 111, Tingkat 1, Bangunan Bersurat, Jalan Batu Bersurat, Mukim Gadong 'A', berhasil menahan seramai tiga warganegara asing, terdiri daripada seorang lelaki dan dua orang perempuan kerana gagal menunjukkan sebarang dokumen yang sah.

Kesemua 10 warganegara asing yang ditahan sewaktu operasi tersebut telah pun dibawa ke Ibu

Pejabat Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, JIPK, BSB untuk disiasat, di bawah Akta dan Peraturan Imigresen Penggal 17 bagi tindakan selanjutnya.

Sehubungan itu, Ketua Pegawai Imigresen Kanan, Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, JIPK menyarankan agar meningkatkan aktiviti penguatkuasaan di negara ini dengan melaksanakan secara berterusan pemantauan, operasi dan pemeriksaan berpandukan kepada maklumat yang ada, sama ada secara bersendirian atau bersama agensi penguatkuasaan yang lain.

JIPK mengingatkan kepada orang ramai akan sentiasa menjalankan operasi, menangkap, menyiasat juga mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana orang yang menyalahi undang-undang, mengikut bidang kuasa yang diperuntukkan. Bagi mana-mana warganegara asing, di negara ini yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan dan jika sabit kesalahan akan dihadapkan ke mahkamah, dipenjarakan dan diusir ke negara asal dan nama-nama mereka disenaraihitamkan.

Tujuan operasi / pemeriksaan adalah bagi melaksanakan rondaan, operasi dan pemeriksaan, berdasarkan pada maklumat dan kerjasama daripada orang ramai, berpandukan pada maklumat yang terkumpul, sama ada secara persendirian atau bersama agensi penguat kuasa lain; menguatkuasakan Akta dan Peraturan Imigresen, Akta dan Peraturan Pasport dan memastikan ia dipatuhi juga dalam usaha mengesan pesalah imigresen; di samping itu juga, bagi menguatkuasakan Perintah

Operasi Langis : 10 warga asing ditahan

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

Pencegahan Penyeludupan Orang 2019 dan Perintah Antipemerdagangan Orang 2019 dan apa juga kegiatan yang bertentangan dengan undang-undang dan peraturan di Negara Brunei Darussalam.

Ke arah aktiviti penguatkuasaan tersebut, jabatan ini juga mengalu-alukan orang ramai

bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen.

Sebarang maklumat dan nama pemberi maklumat akan dirahsiakan sepenuhnya dengan menghubungi ke

Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 atau +673 8753888.

Bantu kesan lelaki keluar rumah

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BERAKAS, Rabu, 10 Mac. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memohon kerjasama dan bantuan daripada orang ramai untuk mengesan lelaki warga tempatan, Eismadi Muzakar bin Haji Moxsin, dengan nombor Kad Pengenalan : 00-077350 (K) yang dilaporkan keluar dari rumah.

Sehubungan itu, orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat mengenai lelaki berkenaan diminta menghubungi Balai Polis Berakas, Daerah Polis Brunei dan Muara menerusi talian +673 2330413 atau melalui Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana balai polis berdekatan.



EISMADI Muzakar bin Haji Moxsin yang dilaporkan keluar dari rumah.

PUIISI

Segalanya Teruji

Segalanya teruji,
Atas kehidupan yang diberi
Segala yang melata di muka bumi
Menerima segala apa yang terjadi
Yang menjadi segala kurnia diri.

Kerana,
Semuanya itu adalah ujian
Yang diberi oleh Tuhan
Atas segala apa yang diberikan
Membuat segala kehidupan tiada penentuan.

Namun,
Walaupun itu ujian
Kita harus mengerti tujuan
Dalam kehidupan yang dijalankan
Pada menuju segala kebaikan
Harus memanjatkan doa yang mengharap
Agar segala perlindungan diberikan.

Segalanya itu teruji,
Pada kita ketabahan menanti
Atas apa yang telah diberi
Segala musibah tetap terhindari.

Ujian Tuhan satu penentuan,
Pada hambaNya yang menerima ujian
Harus mengerti apa yang diberikan
Panjatkan doa minta keampunan
Supaya dapat meringankan beban
Beramal dan bertakwa menuju tujuan.

Dari itu,
Jangan lalai segala ujian
Harus mengerti apa dilakukan
Banyakkan beramal dan buat kebaikan
Agar segala dosa dapat dihapuskan
Untuk kehidupan hari kemudian.

Oleh :
ADI ASMA
Beribi Gadong.
16.3.2020

Nasihat Ihsan Sahabat

Sahabatku....
Ingatlah di kala kau senang
Apatah lagi di kala yang lara
Titian hayat ini bukanlah selamanya
Akan roboh jua akhirnya

Sahabatku....
Imbaslah hari yang lalu
Kejayaan yang kita bina
Pengorbanan kita bersama
Ibarat tugu kemenangan kita

Sahabatku....
Andai engkau dan juga dunia
Andai kesudian lenyap mendurja
Lenyap menyisih ruang hamparan
Maka maafkan segala kedaifan
Segala kesilapan yang terbit dari ku

Sahabatku....
Imbanglah pada kebaikan
Keikhlasan dan kerisauan
Yang pernah hadir untuk mu
Bagai haruman kenangan
Menemani perjuangan lalu

Sahabatku....
Tidak ku mampu mencurah harta
Apa tah lagi melimpah kekayaan
Semua itu tiada ku upaya
Hanyalah keikhlasan doa
Sebagai ikhtiar jalan usaha

Sahabatku....
Lupakan kedaifan bicara lalu
Yang menggoyah punah kesefahaman kita
Ku tulis warkah ini
Sebagai ihsan ingatan untuk mu
Dengan tulus ikhlas dari sahabat mu

Oleh :
Wira Budiman

PUPUK KERJASAMA DALAM INDUSTRI MAKANAN, MINUMAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Mac. - Royal Brunei Culinary (RBC) dengan kerjasama Darussalam Enterprise (DARE), baru-baru ini, menganjurkan dialog untuk memupuk kerjasama di antara RBC dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan dalam Industri Makanan dan Minuman (F&B) yang berpotensi.

Sebanyak 10 perniagaan tempatan, di bawah program DARE's Elevate menghadiri dialog, bertempat di Central Kitchen, RBC, kawasan Perindustrian Lambak Barat, di sini.

Sesi tersebut memberi pandangan mengenai perkhidmatan yang diberikan oleh RBC pada perniagaan, meliputi penyumberan luar (*outsourcing*) dapur dan perkhidmatan komersial; pemerolehan bahan mentah yang kompetitif; juga penggunaan kemudahan dan kepakaran uji dapur.

Dengan mengendalikan pusat dapur terbesar di Negara Brunei Darussalam, Pengurus Besar RBC, Awang Haji Jeff Hadiman bin Dato Paduka Haji Danial berkongsi, bahawa penubuhan RBC adalah sebagai sebuah syarikat penyelesaian F&B, dengan kemudahan canggih yang mempunyai pensijilan Halal and Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP).

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif DARE, Javed Ahmad mengatakan, bahawa PMKS harus berusaha memanfaatkan kemudahan-kemudahan di RBC untuk membantu mereka meningkatkan pengeluaran dengan lebih jimat, seterusnya akan lebih jauh meningkatkan *output* keseluruhan RBC, iaitu mewujudkan situasi 'menang-menang' (*win-win*) untuk kedua-dua pihak.

RBC secara rasmi mengumumkan penjenamaan semula, pada Disember 2020, bertepatan dengan pelancaran kemudahan pusat dapur baharunya. Berpindah dari



PENGURUS Besar Royal Brunei Culinary (RBC), Awang Haji Jeff Hadiman bin Dato Paduka Haji Danial semasa membuat perkongsian.

Siaran Akhbar dan Foto : Darussalam Enterprise

perkhidmatan catering ke kuliner, ditambah dengan dapur baharu, menandakan fokus baharu syarikat berkenaan untuk terus berkembang sebagai penyedia penyelesaian F&B berskala besar.

Dengan operasi yang tertumpu dan kecekapan yang lebih besar, RBC menggandakan potensi pengeluaran hariannya. Hasilnya, RBC sedang mencari rakan kongsi strategik untuk membantu dalam rancangan pengembangannya.

Selain itu, dengan penggabungan operasi di kemudahan baharu RBC, tambah lagi dengan jenama baharu juga pendekatan segar, RBC menegaskan kembali prinsip mereka untuk menambah nilai bagi ekonomi dan masyarakat tempatan.

Sesi dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengurus Besar RBC, diikuti dengan lawatan ke pusat dapur, di mana para tetamu dapat menyaksikan kecemerlangan dan amalan terbaik

masakan RBC melalui demonstrasi memasak secara langsung oleh cef-cef RBC. Sesi dialog kemudian diikuti dengan perkongsian yang dapat dijalin pada masa akan datang.

Antara yang hadir, wakil-wakil dari I Say Yatta; NOICE; Superwater Marketing; Mr Baker's Bakeshop; Iskandar Curry House; A.Ayam; SPHI Foods; Taurean Bakeshop & Café; Pan & Wok dan Wing-it.

DARE's Elevate adalah program berasaskan kohort, bertujuan untuk mengembangkan PMKS tempatan yang menjanjikan agar lebih lestari, berdaya tahan dan mampu pengembangan antarabangsa. Program ini menyediakan perniagaan dengan bantuan khusus dalam mengembangkan peta jalan strategik, bimbingan, peluang rangkaian dan penyelesaian pembiayaan. Para pengusaha yang berminat untuk mendaftar ke Elevate, boleh menghantar e-mel mereka ke program elevate@dare.gov.bn.

Pekerja asing didapati menyalahgunakan LPA

KUALA BELAIT, Rabu, 10 Mac. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh, Cawangan Kuala Belait (LED), baru-baru ini, mengadakan Operasi Selongkar 48/2021 pada 3 Mac 2021, jam 10.05 pagi, bertempat di Kampung Mumong 'A', Mukim Kuala Belait, iaitu pembinaan sebuah rumah dua tingkat.

Hasil pemeriksaan mendapati seorang pekerja asing berjawatan buruh melakukan pekerjaan pendawaian elektrik dan bekerja dengan majikan lain, di mana gagal menunjukkan bukti kebenaran tempat pekerjaan.

Bagi majikan yang gagal mendapatkan kebenaran tempat pekerjaan dan gagal membuat penyusunan semula penempatan pekerja tambahan dengan syarikat lain, jika sabit kesalahan, Jabatan Buruh akan mengenakan denda kompaun sebanyak BND600 bagi kesalahan pertama; dan BND900 bagi kesalahan kedua, mengikut kesalahan di bawah bab 86 Perintah Pekerjaan 2009.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh juga ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja, menurut kehendak

Perintah Pekerjaan 2009, seperti penyediaan kontrak pekerjaan, pembayaran gaji tepat pada waktunya dan memberikan tempat tinggal yang selesa.

Di samping itu juga, dinasihatkan kepada majikan untuk tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing (LPA) dan tidak melanggar akta di bawah Perintah Pekerjaan

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Buruh

2009. Untuk makluman lebih lanjut, bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh, Cawangan Kuala Belait semasa mengadakan Operasi Selongkar.



MMN wadah strategik bincang isu kepentingan rakyat

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Jabatan Penerangan

MAJLIS Mesyuarat Negara (MMN) akan mula bersidang sebaik sahaja Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-17 MMN, yang akan dilangsungkan pada Isnin, 15 Mac 2020, bertempat di Dewan Persidangan MMN, Jalan Dewan Majlis.

Persidangan ini, sememangnya menjadi perhatian rakyat dan penduduk di negara ini kerana disinilah wadah strategik bagi memikir dan membahaskan perkara-perkara yang diperlukan oleh rakyat juga negara.

Persidangan MMN Musim Ke-17 akan dipengerusikan oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib dan dibantu oleh Jurutulis MMN, Yang

Dimulikan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar bersama Timbalan Jurutulis MMN, Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail.

Persidangan Majlis Mesyuarat Negara memasuki usia 17 tahun sejak penubuhan semula, pada tahun 2004. Persidangan MMN Ke-17 akan membincangkan dan meluluskan Rang Undang-Undang (2021) Perbekalan, 2021 / 2022; yang akan melalui tiga peringkat sebelum dapat diluluskan sepenuhnya, seterusnya diwartakan untuk dapat diguna pakai, bermula 1 April 2021.

Selain itu, pada Persidangan MMN itu juga, pelbagai isu untuk kepentingan negara dan kesejahteraan rakyat akan dibincangkan juga cadangan-cadangan yang bermanfaat kepada negara dan rakyat yang diteliti juga dinilai kesesuaiannya secara terperinci, mengikut keperluan dan keutamaannya.

Ahli-ahli MMN berjumlah 36 orang, terdiri daripada Ahli Rasmi Kerana

Jawatan; Orang-orang Bergelar; Orang-orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan; dan Wakil-wakil Yang Dilantik Dari Daerah-daerah.

MMN telah ditubuhkan menurut Bab 23 dari Perlembagaan Negara Brunei 1959 dan Ahli-Ahlinya dilantik, menurut Bab 24. Majlis Mesyuarat Negara telah dibubarkan, pada tahun 1984 dan bersidang semula pada 25 September 2004. Penubuhan persidangan ini adalah sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-58 Tahun pada 15 Julai 2004.

Daripada perspektif sejarah, sejak 21 Oktober 1959 hingga 12 Februari 1984, MMN ini telah bersidang sebanyak 32 Musim Permesyuaratan. MMN, yang pertama bersidang, pada 21 Oktober 1959, bertempat di Lapau Lama, Bandar Brunei. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang terakhir ialah MMN Ke-21 (Belanjawan), iaitu sebelum Brunei mencapai kemerdekaan penuh, bertempat

di Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan.

Adalah diharap bahawa apa juga usul dan hujah yang dikemukakan dalam persidangan, hendaklah berasaskan pada pemikiran dan penelitian yang rapi, disokong oleh fakta-fakta yang betul juga tepat dan memfokus, hanya pada isu-isu yang relevan, sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pada Majlis Pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan Ke-16 MMN 2020.

Dalam mematuhi garis panduan keselamatan dalam situasi pandemik COVID-19, orang ramai bolehlah melihat dan mendengar Persidangan MMN dalam jumlah kapasiti yang terhad. Rakaman persidangan harian juga boleh diikuti melalui Saluran RTB Perdana, pada jam 9.00 malam dan selepas Siaran Berita jam 10.00 malam.





JBP TERUS HARGAI MASYARAKAT BERJASA

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Bomba dan Penyelamat

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Mac. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) melalui Cawangan Operasi 'F' menyerahkan Sijil Masyarakat Berjasa kepada sembilan orang awam yang berjaya memadamkan kebakaran di dua tempat berasingan, iaitu kebakaran

rumah dan kebakaran kedai tayar, baru-baru ini.

Dengan tindakan pantas, mereka berjaya memadamkan kebakaran tersebut. Penyerahan Sijil Masyarakat Berjasa dimulakan dengan tiga orang awam, yang berjaya memadam kebakaran rumah, di Jalan Ban 5, Kampung Mulaut, iaitu BK Bintara Kanan 15860, Sahdu bin Haji Samad, yang pernah mengikuti Kursus Fire Marshal, di tempat beliau bekerja, Awang Md. Redzuan bin Abdullah Jenang, yang juga pernah mengikuti Kursus Fire Marshal dari JBP dan Awang Md. Khairul Anwar bin Haji Abd.

Ghani.

Seterusnya, sijil tersebut juga diberikan kepada enam orang awam yang berjaya memadamkan kebakaran di kedai tayar, kawasan Sengkurong, iaitu Mia Joy Alejandro Valdez; Awang Mohd. Affaizul bin Mohd. Affendi; Awang Khairul Ridhwan bin Jasnie; Awang Hafizan bin Anuar; Awang Zubaidi bin Kholik; dan Awang Kudi anak Rantai.

Penyerahan sijil tersebut disampaikan oleh Pegawai Pemerintah Operasi 'F', Balai Bomba Jerudong, SFR Haji Nordin bin Haji Buntan. Juga hadir, Timbalan Pegawai Pemerintah, Stesen Komander Balai Bomba Jerudong dan anggota Unit Perhubungan Awam Cawangan Operasi 'F'.

JBP menawarkan kursus-kursus, seperti Fire Marshal, Taklimat Keselamatan Kebakaran dan Life Saver 995.

Selain itu, JBP ingin mengingatkan kepada orang ramai bahawa jika berlaku sebarang insiden kecemasan, orang awam hendaklah berhubung terus ke JBP melalui Talian Kecemasan Bomba 995 dan memberikan maklumat tepat.

PARA penerima Sijil Masyarakat Berjasa semasa bergambar ramai (atas kiri dan kiri).



Kereta terbakar, pemandu selamat



INSIDEN kemalangan kereta di Jalan Lorong Tengah Seria menyebabkan kebakaran sebuah kereta.

SERIA, Rabu, 10 Mac. - Seramai lapan anggota bomba dari Balai Bomba Seria, yang diketuai oleh Pegawai Balai Haji Sulaiman bin Haji Yusof dikejarkan ke insiden kebakaran kereta, pada jam 7.24 pagi, baru-baru ini, di Jalan Lorong Tengah Seria.

Sejurus tiba di tempat kejadian, didapati dua buah kereta mendapat kemalangan di atas jalan raya dan salah sebuah daripadanya mendapat kebakaran. Anggota Bomba bertindak mengeluarkan dua jet hos 64mm ke 38mm dan satu pasukan memakai alat pernafasan (B.A Suit). Sumber air diperoleh dari Jentera Bomba dan api dapat dipadamkan dalam

masa 5 minit.

Pemilik kereta jenis *hatchback* merupakan seorang wanita, warganegara Brunei Darussalam, manakala pemilik kereta jenis sedan merupakan seorang lelaki, warganegara India. Kedua-dua mangsa telah keluar dengan selamat dan tidak mendapat sebarang kecederaan sebelum Jentera Bomba sampai.

JBP menyarankan orang ramai, khususnya pengguna jalan raya sentiasa memastikan kenderaan mereka dalam keadaan baik dan selamat secara keseluruhan sebelum digunakan, seperti memastikan tiada sebarang

kebocoran juga pam yang boleh menyebabkan pengaliran cecair mudah terbakar pada enjin blok yang panas atau sistem elektrik.

Selain itu, pengguna juga hendaklah sentiasa memastikan mana-mana pengubahsuaian atau penambahan sistem elektrik enjin dan aksesori kereta juga pendawaian mengikut piawaian yang betul oleh mekanik yang bertauliah kerana arus elektrik kenderaan yang tinggi boleh menyebabkan kabel terbakar dan kebakaran.

Pengguna jalan raya juga diingatkan agar sentiasa lebih berhati-hati juga mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya, seperti arahan papan tanda keselamatan juga lampu isyarat, memberikan tumpuan dan berwaspada ketika memandu, menggunakan tali pinggang keselamatan semasa memandu, peka juga awas terhadap perubahan alam sekeliling, seperti hujan, jalan licin dan penglihatan terhad, terutama sekali pada waktu malam.

Di samping itu, mereka juga hendaklah sentiasa mengamalkan sikap bertolak ansur sesama pengguna jalan raya lain bagi mengelakkan sebarang kemalangan. Jika berlaku sebarang insiden kecemasan hendaklah berhubung terus ke Pusat Gerakan JBP melalui Talian Kecemasan Bomba 995 dan memberikan maklumat tepat.

Bantu JAPEM kesan 7 individu

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 12 Mac. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memohon kerjasama dan bantuan daripada orang ramai untuk mengesan tujuh individu bagi membantu Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

Tujuh individu berkenaan terdiri daripada enam lelaki dan seorang perempuan, iaitu Muhammad Danish Lliya Zunnrain Al-Mukminin bin Abdullah, 16 tahun; Muhammad Dennie Lliya Elly Zunnurkarnain bin Abdul Halim, 14 tahun; Muhammad Darwisy Lliya Elly Zunnururrani Al-Mukminin bin Mohammad Zahiruddin, 13 tahun; Muhammad Dariwin Lliya Elly Zunnururrain Al-Mukminin bin Mohammad Zahiruddin, 12 tahun; Nurul Iffah Shahinaz binti Abdullah, 8 tahun; Muhd. Shah Reza Zuzunnurdaraina bin Mohd. Zurimi, 3 tahun; dan Muhammad Shahinaaz Durarnurulain bin Mohd. Zurimi, 2 tahun.

Sehubungan itu, PPDB memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk menghubungi ke Talian JAPEM 141 atau Talian Kecemasan Polis 993 jika terdapat sebarang maklumat mengenai mereka.

LAWATAN KE ARAB SAUDI SANGAT BERJAYA - PM MUHYIDDIN



RIYADH, 10 Mac. - Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin (tiga, kiri) dan Putera Mahkota Arab Saudi Mohammed Salman Abdulaziz Al-Saud (empat, kanan) yang juga Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan menyaksikan majlis menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) inisiatif Perkhidmatan Jalan Makkah antara Menteri Luar Malaysia, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein (dua, kiri) dan rakan sejawatannya Putera Faisal Farhan Al-Saud (tiga, kiri) pada Rabu. Inisiatif tersebut akan memudahkan proses prapelepasan jemaah Haji dan Umrah Malaysia, seperti urusan penerbangan, semakan visa dan pasport, prosedur kastam dan urusan logistik lain. - ©BERNAMA

RIYADH, 10 Mac. - Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menyifatkan lawatan rasmi empat hari ke Arab Saudi sebagai sangat berjaya.

"Ia sangat berjaya," kata beliau semasa mengakhiri lawatan pada Selasa (Rabu di Malaysia).

Selain meningkatkan lagi hubungan Kuala Lumpur-Riyadh, lawatan itu juga membuahkan beberapa hasil positif untuk Malaysia.

Antara perkara penting yang dicapai adalah tambahan 10,000 kuota jemaah haji serta pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) untuk memudahkan proses prapelepasan jemaah haji dan umrah dari Malaysia.

Perkara lain termasuk perbincangan mengenai

kemungkinan Arab Saudi meningkatkan import minyak sawitnya daripada 318,000 tan bernilai RM900 juta tahun lepas kepada 500,000 tan dalam masa terdekat.

Bagi tambahan kuota haji, permohonan itu dibenarkan ketika Muhyiddin menghadap Putera Mahkota Arab Saudi, Mohammed Salman Abdulaziz Al-Saud yang juga Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan negara itu di Istana Al-Yamamah, di sini pada hari terakhir lawatan.

Malaysia menjadi negara pertama disenaraikan dalam inisiatif Perkhidmatan Jalan Makkah yang akan memudahkan proses prapelepasan jemaah haji dan umrah dari Malaysia.

"Sebelum ini hanyalah projek

perintis. Melalui inisiatif ini, akan menjadi ciri tetap," kata seorang diplomat.

Memorandum Persefahaman mengenai inisiatif itu telah ditandatangani antara kedua-dua negara di istana berkenaan.

Susulan komitmen untuk meningkatkan hubungan ke tahap lebih tinggi, kedua-dua negara bersetuju menubuhkan Majlis Penyelarasan Arab Saudi-Malaysia untuk membuka jalan bagi perundingan dan tindakan lanjut secara berkala mengenai hal-hal kepentingan dan manfaat bersama.

"Kami tidak mahu bercakap dan bercakap tetapi tidak ada yang berlaku selepas itu. Kita akan mempunyai mekanisme berstruktur untuk diketuai bersama oleh menteri luar kedua-dua negara," kata Muhyiddin.

Muhyiddin berkata beliau dan Putera Mahkota akan memantau tindakan dan kemajuan yang dicapai majlis itu.

MoU mengenai penubuhan majlis itu juga ditandatangani oleh kedua-dua negara di istana.

Perbincangan antara kedua-dua pemimpin itu turut menyentuh mengenai ekonomi, pertahanan, pendidikan, jaminan makanan, perdagangan dan pelaburan.

"Kami mengadakan perbincangan panjang lebar dan berterusan semasa makan malam kami. Perbincangannya sangat padat," kata Muhyiddin.

Mengulas kritikan pihak tertentu di Malaysia mengenai lawatan rasminya, Muhyiddin berkata: "Yang penting adalah hasil lawatan. Apa yang rakyat mahukan dari lawatan ini dan hasilnya".

Perdana Menteri yang tiba di negara ini pada Sabtu, ke Makkah terlebih dahulu untuk menunaikan umrah dan diberi peluang memasuki Kaabah.

Muhyiddin kemudian ke Madinah pada Ahad untuk menziarahi Makam Nabi Muhammad SAW dan Masjid Nabawi.

Beliau tiba di ibu negara ini semalam.

Lawatan rasmi atas undangan Raja Arab Saudi, Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud itu dilaksanakan

di bawah Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat bagi mengekang penularan pandemik COVID-19.

Selepas ini, Muhyiddin ke Emiriah Arab Bersatu bagi lawatan rasmi hingga Khamis. - ©BERNAMA

Semenanjung Gaza lancar projek tenaga solar

GAZA, 11 Mac. - Projek mega tenaga solar, yang pertama seumpamanya di Palestin, dilancarkan pada Rabu untuk menjana elektrik kepada zon industri di Semenanjung Gaza yang dikelung, lapor Xinhua.

Pada majlis pelancaran, Pengerusi Palestin Development and Investment Company Ltd., Bashar al-Masri, berkata projek itu menelan kos sekitar US\$12 juta, dan merangkumi lebih 21,000 sel solar, yang dipasang di bumbung 32 bangunan industri, dengan kapasiti pengeluaran 7.3 megawatt.

Menurut al-Masri projek itu dijangka berupaya membekalkan tenaga elektrik ke semua kilang, pejabat kerajaan, institusi antarabangsa, dan bangunan komersial di zon perindustrian, katanya.

"Projek ini penting untuk meningkatkan ekonomi di Semenanjung Gaza ... terutama bagi menyelesaikan defisit besar dalam sektor tenaga di semenanjung tersebut ketika ini," katanya. Zon perindustrian seluas 480,000 meter persegi itu terletak di timur bandar Gaza, berhampiran dengan sempadan Israel, pada 1996, menyediakan lebih 2,500 peluang pekerjaan. - ©BERNAMA

Presiden Mesir, Congo bincang isu empangan Sungai Nil Ethiopia

KAHERAH, 12 Mac. - Presiden Mesir, Abdel-Fattah al-Sisi dan rakan sejawatnya dari Republik Demokratik Congo (DRC) Felix Tshisekedi pada Khamis berbincang melalui telefon mengenai Empangan Renaissance Grand Ethiopia (GERD) yang dipertikaikan.

Sisi mengulangi pendirian Mesir yang mahu perjanjian yang mengikat kedua-dua pihak secara sah mengenai peraturan mengisi dan mengoperasikan GERD sebelum musim hujan akan datang untuk memelihara hak air negara-negara hilir, kata jurucakap presiden Mesir Bassam Rady dalam satu kenyataan.

Mesir juga menyokong cadangan Sudan untuk membentuk kuartet antarabangsa yang diterajui Kesatuan Afrika (AU) sebagai perantara perbincangan GERD, lapor Agensi Berita Xinhua.

Perbincangan itu dibuat berapa jam selepas Sisi berunding dengan Perdana Menteri Sudan, Abdalla Hamdok di Kaherah.

Ethiopia, mula membina GERD pada 2011, sementara Mesir bimbang empangan itu akan mempengaruhi bahagian air Sungai Nil seluas 55.5-bilion-meter padu-meter. Sudan baru-baru ini turut menimbulkan kebimbangan sama terhadap empangan bernilai US\$4 bilion itu.

Rundingan selama beberapa tahun membabitkan tiga pihak mengenai peraturan mengisi dan mengoperasikan GERD, dengan jumlah kapasiti 74 juta meter padu, tidak membuahkan hasil.

Ethiopia melakukan fasa pertama mengisi empangan pada Julai 2020 dan dijangka memulakan fasa kedua akhir tahun ini. - ©BERNAMA

Indonesia : Sekurang-kurangnya 22 maut, bas bawa pelajar terhumban ke dalam gaung

MOSCOW, 11 Mac. - Sebuah bas membawa pelajar, ibu bapa, dan guru terhumban ke dalam gaung sedalam 20 meter di wilayah Jawa Barat, Indonesia, mengakibatkan sekurang-kurangnya 22 orang terbunuh, lapor Sputnik.

Menurut akhbar Jakarta Globe pada Khamis, nahas berlaku di kota Subang ketika bas membawa 58 penumpang itu dalam perjalanan ke kota Tasikmalaya untuk mengadakan lawatan.

Perkhidmatan kecemasan tempatan berkata jumlah kematian dijangka meningkat.

Punca nahas masih disiasat. - ©BERNAMA

AS senarai hitam dua anak pemimpin junta Myanmar

WASHINGTON, 11 Mac. - AS pada Rabu mengenakan sekatan ke atas dua anak pemimpin junta tentera Myanmar kerana melakukan kekerasan terhadap penunjuk perasaan pro-demokrasi.

Anak lelaki dan perempuan Panglima Tentera Min Aung Hlaing, Aung Pyae Sone dan Khin Thiri Thet Mon masing-masing, disenarai hitam kerana "secara langsung mendapat keuntungan daripada kedudukan dan pengaruh ayah mereka," kata Jabatan Perbendaharaan dalam satu kenyataan, lapor Agensi Anadolu.

Selain itu, enam syarikat milik

anak-anak pemimpin de facto itu turut dikenakan sekatan, termasuk A&M Mahar Company Limited, Sky One Construction Company Limited, Yangon Restaurant, Yangon Gallery, Everfit Company Limited dan Seventh Sense Company Limited.

"Keganasan tanpa kawalan oleh pasukan keselamatan Myanmar terhadap penunjuk perasaan secara aman tidak dapat diterima. "Amerika Syarikat akan terus bekerjasama dengan rakan-rakan antarabangsa kami untuk menekan tentera dan polis Myanmar supaya menghentikan semua keganasan terhadap penunjuk perasaan secara aman dan memulihkan

demokrasi dan kedaulatan undang-undang di negara itu," kata Pengarah Kawalan Aset Asing, Andrea Gacki dalam satu kenyataan.

Protes yang tercetus pada 6 Februari itu sudah berlanjutan selama lebih sebulan di bandar-bandar di seluruh negara ketika penentang rampasan kuasa menuntut pembebasan pegawai kanan dan mengakhiri pemerintahan junta tentera. Sekurang-kurangnya 65 orang terbunuh semasa tentera menggunakan kekerasan.

Pada Rabu, sekurang-kurangnya 200 orang ditangkap ketika pasukan tentera dan polis menyerbu bandar dan kawasan di stesen kereta api Yangon, pusat bandar dan hab komersial terbesar di Myanmar. - ©BERNAMA

AS akan kongsi lebih vaksin COVID-19 dengan seluruh dunia - Biden

WASHINGTON, 11 Mac. - Amerika Syarikat (AS) akan berkongsi vaksin COVID-19 dengan negara lain jika terdapat lebih, kata Presiden Joe Biden kepada wartawan.

"Sekiranya ada lebih,

kita akan berkongsi dengan seluruh dunia," kata Biden, lapor Sputnik.

Biden berjanji AS akan mempunyai cukup vaksin untuk setiap orang dewasa menjelang akhir Mei dan

mengarahkan pembelian lagi 100 juta dos.

"Kita akan pastikan rakyat Amerika mendapatnya terlebih dahulu. Kemudian, kita akan cuba dan tolong seluruh dunia," katanya. - ©BERNAMA



KEBAJIKAN RAKYAT HARUS JADI KEUTAMAAN KEMPEN MEMERANGI COVID-19

BEIJING, 10 Mac. - Kebajikan rakyat harus diutamakan dalam setiap usaha yang dilaksanakan untuk memerangi pandemik COVID-19, kata Wakil Tetap China ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Geneva, Chen Xu.

Chen berkata, penularan

pandemik memberi tempas teruk terhadap ekonomi, kehidupan rakyat, dan masyarakat pelbagai negara, terutamanya golongan miskin dan kurang upaya, sekali gus melebarkan lagi jurang ketaksamaan masyarakat.

Justeru katanya, rakyat haruslah diutamakan, di samping tumpuan perlu diberikan kepada usaha untuk meningkatkan perpaduan dan kerjasama pelbagai hala, menghormati hak manusia dan kesamarataan jantina, serta

mengambil langkah yang selaras, inklusif dan inovatif.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam sesi ke-46 Majlis Hak Asasi Manusia PBB, di Geneva pada Rabu. Menurutnya, pelbagai negara patut bertindak memastikan hak kehidupan dan kesihatan rakyat terjamin, di samping memperkasakan kerjasama antarabangsa bagi memerangi wabak, terutamanya

dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) vaksin supaya vaksin dapat dijadikan satu produk awam yang boleh dikongsi semua negara, terutamanya negara membangun.

Usaha harus dilakukan untuk menggalakkan pembangunan mampan dan pembasmian kemiskinan demi memastikan hak makanan, pendidikan, perumahan dan pekerjaan rakyat terjamin.

Selain itu, sistem jaminan sosial harus diperkukuh, di samping memberikan perkhidmatan sosial yang perlu kepada golongan kurang upaya bagi membantu mereka mengatasi kesukaran akibat penularan pandemik. Chen berkata usaha membanteras rasialisme dan diskriminasi ras turut memainkan peranan penting untuk membina masyarakat sama rata dan inklusif. - ©BERNAMA

Rebello de Sousa mulakan penggal kedua sebagai Presiden Portugal

LISBON, 10 Mac. - Marcelo Rebello de Sousa pada Selasa sekali lagi dilantik untuk penggal kedua sebagai Presiden Portugal dan berikrar "memanfaatkan sebaiknya dana Eropah dengan memastikan pengurusan sumber kewangan yang baik" untuk membantu pemulihan pasca pandemik.

Bercakap di Parlimen, beliau berkata misinya adalah untuk mengakhiri ketakutan, "mengembalikan keyakinan rakyat "dan" menyeimbangkan perkhidmatan kesihatan," lapor Agensi Berita Xinhua.

Dalam lafaz sumpah jawatannya, Rebello de Sousa berikrar mempertahankan, mematuhi dan menegakkan perlembagaan negara.

Menurutnya, Portugal mengalami "pertumbuhan ekonomi" dan sedang menuju keseimbangan masyarakat hinggalah kemunculan wabak yang menyebabkan "pandemik sosial dan ekonomi."

"Saya serius dengan komitmen ini kerana mereka sangat memerlukan - gelandangan, tidak mempunyai rumah yang sesuai, pesara miskin, penganggur atau diberhentikan kerja, keadaan tidak menentu pekerja dan pengusaha," katanya.

Presiden turut mengulas mengenai pembukaan semula sempadan negara yang ditutup sejak 15 Januari serta keutamaan kedua dalam mandat baharunya iaitu mengurangkan jumlah kes dan kematian COVID-19, memperluas vaksinasi dan meningkatkan ujian saringan.

Rebello de Sousa berjaya mempertahankan kedudukannya selepas memenangi pilihan raya umum pada 24 Januari dengan memperoleh 60.67 peratus undi. - ©BERNAMA

Iran bakal mulakan kempen vaksinasi guna vaksin COVID-19 buatan sendiri

MOSCOW, 10 Mac. - Iran akan melancarkan kempen vaksinasi COVID-19 untuk rakyatnya menggunakan vaksin Coviran, yang dihasilkan sendiri pada Mei, kata Presiden Eksekutif Imam Khomeini's Orders (EIKO) Mohammad Mokhber.

Pada awal Februari, EIKO, yang membangunkan vaksin itu bersama kumpulan farmasi Barekat, berkata Iran berhasrat menghasilkan 14 juta dos vaksin menjelang musim panas, lapor Sputnik memetik Agensi Berita Tasnim pada Selasa.

Menurut seorang pegawai, Iran berpotensi besar untuk mengeluarkan vaksin buatan sendiri secara besar-besaran. Setakat ini, Iran telah melancarkan ujian klinikal terhadap tiga vaksin.

Pada awal Februari, Iran melancarkan kempen vaksinasi menggunakan vaksin Sputnik V, buatan Rusia.

Tehran juga bakal menerima 16 juta dos vaksin melalui inisiatif penderaan antarabangsa COVAX yang diterajui Pertubuhan Kesihatan Dunia.

Selain itu, Tehran turut mengimport lebih 25 juta lagi dos vaksin COVID-19 dari luar negara, selain menghasilkan 25 juta dos vaksin buatan tempatan. - ©BERNAMA

Mi Pho Bo Vietnam tersenarai tempat kedua 20 sup terbaik dunia

HO CHI MINH CITY, 11 Mac. - Saluran berita Amerika CNN menamakan Pho Bo (sup mi daging lembu Vietnam) di tempat kedua dalam senarai 20 sup terbaik di dunia, lapor Agensi Berita Xinhua.

Daging lembu yang lembut direbus berjam-jam bersama dengan kulit kayu manis, bunga lawang dan rempah-ratus lain bagi menghasilkan sup dengan aroma luar biasa untuk dihidangkan bersama mi yang dihasilkan daripada beras.

Sup ini dianggap sebagai hidangan nasional dan boleh ditemui di seluruh negara walaupun berasal dari utara sebelum dibawa ke selatan, dan makanan itu diolah dengan pengaruh daerah.

Kelazatan Pho Bo mendapat banyak ulasan daripada majalah pelancongan global selama beberapa dekad, dan setiap pelancong ke Vietnam pasti bercerita mengenainya. Bouillabaisse Perancis, gazpacho Sepanyol, sup mi daging Lanzhou Cina dan Thai Tom yum goong turut tersenarai. - ©BERNAMA

Beruk besar di Zoo AS disuntik vaksin COVID-19 khusus untuk haiwan

LOS ANGELES, 10 Mac. - Sembilan beruk besar di Zoo San Diego telah menerima vaksin COVID-19 khusus untuk haiwan, menjadikannya primat bukan manusia pertama disuntik vaksin itu, kata seorang pegawai zoo pada Selasa.

Vaksin, yang ditawarkan oleh syarikat farmaseutikal Amerika Zoetis, adalah vaksin protein spike yang diolah semula, bertujuan untuk digunakan dalam melindungi haiwan daripada SARS-CoV-2, virus yang menyebabkan COVID-19, kata wakil kanan perhubungan awam di Zoo San Diego, Darla Davis kepada Agensi Berita Xinhua.

Empat orang utan dan lima cimpanzi bonobo diberi vaksin itu bermula Januari hingga Februari.

"Setiap haiwan menerima dua dos, dalam tempoh sekitar tiga minggu. Haiwan yang telah menerima vaksin berada dalam keadaan baik dan tidak menunjukkan kesan buruk," kata Davis.

Vaksinasi tersebut dilakukan selepas lapan gorila di Taman Safari dijangkiti virus itu, kemungkinan dijangkiti daripada penjaga zoo yang disahkan positif COVID-19.

"Doktor haiwan San Diego Zoo Wildlife Alliance telah mengenal pasti beberapa beruk besar paling

berisiko dan mudah divaksinasi, termasuk spesies cimpanzi bonobo dan orang utan," tambah Davis.

Sekumpulan gorila di Taman Safari, yang dijangkiti COVID-19 pada Januari kini pulih sepenuhnya, namun tidak menerima vaksin kerana ia telah pun terdedah kepada virus SARS-CoV-2, dan penyidik taman haiwan itu menganggap sistem kekebalan tubuh mereka sendiri telah membina antibodi terhadap virus itu, kata Davis.

"Pihak zoo akan memberikan beberapa dos vaksin terakhir kepada primat, termasuk gorila, pada Mac," katanya. - ©BERNAMA

Perpaduan utuh pelbagai etnik, penyumbang kejayaan basmi kemiskinan di China

BEIJING, 11 Mac. - Di China, meskipun terdapat 56 etnik, namun ia tidak menjadi batu penghalang dalam usaha untuk menjayakan misi pembasmian kemiskinan. Penghujung Disember lalu, Abdul Reyimu Ujimamuti, etnik Uygur yang bekerja di kilang di Qinzhou, wilayah Guangxi, barat daya China disahkan menghidap penyakit berkaitan serebrum.

Berasal dari kampung nun jauh di pedalaman iaitu di Kaunti Muyu, Hotan, wilayah Xinjiang (kira-kira 4,000 kilometer), kos untuk membiayai pembedahan sudah tentu menjadi beban besar buat keluarganya. Bagaimanapun, lebih 1,600 rakan sekerja dan penduduk Qinzhou menderma lebih 48 ribu yuan (kira-kira RM30,000) untuk membantu Reyimu.

Reyimu juga turut ditemani pengiring ketika pulang ke kampung untuk menjalani rawatan. Kini difahamkan Reyimu semakin beransur pulih dan menyatakan harapannya untuk kembali kerja secepat mungkin.

Di Qinzhou terdapat lebih 600 pekerja etnik Uygur dari Xinjiang, dan mereka ini menjadi sebahagian daripada projek kerjasama kedua-dua tempat berkenaan dalam usaha membasmi kemiskinan. Sementara itu atau bapa bekerja, anak-anak pula turut tidak ketinggalan mendapat peluang pendidikan di Qinzhou.

Xinjiang sebuah wilayah sangat luas, namun kebanyakan terdiri kawasan pergunungan, padang pasir dan gobi, manakala cuacanya kering dan panas. Bahagian selatan Xinjiang termasuk daerah Hotan menjadi kawasan tumpuan dalam pembasmian kemiskinan. Jumlah penduduk miskin di daerah ini mencatat lebih tiga juta berdasarkan statistik pada 2014.

Bagi etnik Uygur di kawasan desa yang susah mencari rezeki di ladang, kerajaan Xinjiang berusaha membantu mereka mendapatkan

peluang pekerjaan. Kebanyakan pekerjaan yang ditawarkan di bandar berdekatan.

Ada juga sebahagian mereka bersedia menjadi perantau dengan bekerja di wilayah lain yang lebih maju seperti Qinzhou kerana mendapat sokongan kerajaan, selain berpeluang memperoleh pendapatan lebih tinggi. Situasi ini secara tidak langsung menggalakkan semakin ramai etnik Uygur sanggup menjadi pekerja perantau di wilayah lain.

Pada Februari 2020, penularan wabak COVID-19 di Xinjiang dan Guangxi berjaya dikawal, dan ramai pekerja etnik Uygur dari Muyu tidak sabar untuk kembali bekerja di Qinzhou. Bagi menjamin keselamatan kesihatan pekerja, kerajaan Qinzhou menghantar pesawat sewa khas ke Hotan untuk membawa mereka balik. Berhijrah untuk bekerja satu kaedah yang dilaksanakan untuk membasmi kemiskinan di Xinjiang.

Kerajaan tempatan juga menyusun semula sumber tanah bagi menyediakan lebih banyak ladang, memberikan jaminan sosial dan subsidi pendidikan untuk membantu penduduk Xinjiang termasuk etnik Uygur keluar daripada belunggu kemiskinan. Hingga penghujung 2020, kesemua lebih tiga juta penduduk miskin di Xinjiang mendapat jaminan persekolahan, perubatan, penjagaan warga emas dan perumahan.

Namun, pekerja perantau, yang cukup sinonim di setiap negara digambarkan sebagai "bekerja secara paksa" oleh sebahagian laporan media Barat. Ini mungkin disebabkan keadaan di negara mereka, kebanyakan kaum minoriti memang hanya diizinkan menyandang jawatan tertentu. Kerajaan negeri juga dikatakan tidak berusaha membantu kaum minoriti dari kawasan lain untuk mencari rezeki. Berlainan di China, semua etnik umpama satu keluarga dan

diberikan layanan sama rata. Mungkin ramai netizen tidak mengetahui bahawa China pernah mengalami bencana alam yang dasyat pada 1959 hingga 1961.

Pengeluaran bahan makanan menurun secara mendadak, khususnya di bahagian selatan China. Ribuan anak yatim piatu dari Shanghai, Jiangsu dan Anhui mengalami kelaparan.

Ketika itu, kerajaan pusat China mengarahkan Wilayah Autonomi Mongolia Dalam yang kaya dengan lembu dan kambing memberikan bantuan tepung susu. Tetapi ia masih tidak mampu menyelesaikan masalah itu untuk jangka masa panjang. Justeru wilayah Mongolia Dalam memutuskan untuk menjemput 3,000 anak yatim piatu tersebut ke padang rumput.

Penggemala etnik Mongol yang juga kurang berkemampuan pada ketika itu dengan sukarela menjadi "ibu bapa" kepada anak yatim piatu etnik Han. Sejak itu anak-anak tersebut menjadi penghuni di padang rumput, membangunkan Mongolia Dalam umpama kampung halaman sendiri, mereka kemudian dikenali sebagai etnik Mongol.

Ramai dalam kalangan mereka kini mewarisi "kasih dan sayang dari ibu Mongol," aktif membantu persekolahan kanak-kanak dari keluarga miskin tempatan. Pepatah etnik Mongol berbunyi "sayangi anak sendiri adalah perkara biasa, sayangi anak orang pula sifat yang sangat mulia". Budaya tradisional China turut mengajar "sayangi anak orang lain seperti sayangi anak sendiri".

Justeru, dalam usaha pembasmian kemiskinan, semua berhak menikmati tidak mengira asal dan etnik. Inilah falsafah dan sasaran perjuangan semua rakyat China. Rakyat dari 56 etnik yang bersatu padu dan saling membantu menjadi antara penyumbang kepada kejayaan China membasmi kemiskinan. - ©BERNAMA

Sukan Petanque mencari bakat baharu

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Jabatan Penerangan

SUKAN Petanque merupakan sukan yang boleh dianggap baharu di negara ini apabila sukan berkenaan mula diperkenalkan oleh Persekutuan Petanque Thailand, pada sekitar tahun 2006.

Sukan ini merupakan salah satu sukan riadah yang santai dan dimainkan di mana-mana sahaja, yang penting gelanggang tempat bermain itu rata, sama ada di padang, pantai dan sebagainya, malah yang menariknya pada sukan ini, ia tidak memerlukan kewangan yang banyak, cuma perlu mempunyai bola sendiri.

Sikap yang perlu ada pada diri seorang pemain Petanque ialah mempunyai ketahanan mental, kecekapan, kesabaran, mempunyai *fitness* yang baik, berdisiplin dan sentiasa fokus apabila bermain.

Tidak lama selepas memperkenalkan sukan tersebut, Persekutuan Petanque Thailand telah menjemput tiga orang pegawai dari Jabatan Belia dan Sukan ke Thailand untuk memberikan kursus secara terperinci untuk mengembangkan sukan berkenaan, di Negara Brunei Darussalam.

Pada tahun yang sama, Persekutuan Petanque Brunei Darussalam telah dibentuk, yang tepatnya pada 27 Jun 2006, di bawah Pendaftaran Pertubuhan Pasukan Polis Diraja Brunei, bilangan pendaftaran BPD / 1203, sekali gus bermulanya era sukan Petanque, di negara ini.

Setahun kemudian, persekutuan tersebut telah menjadi Ahli Gabungan Brunei Darussalam National Olympic Council (BDNOC) dan menjadi Ahli Gabungan International Federation of Petanque and Provençal Games (FIPJP) dan Ahli Gabungan Asian Petanque dan Sports (APSBC).

Persekutuan Petanque Brunei Darussalam dengan pantas mengorak langkah ke hadapan sehingga berjaya menganjurkan Kejohanan 1st Borneo Inter Club Petanque 2010, sekali gus keluar menjadi juara dan naib juara. Selain itu, ia juga menyertai berbagai-bagai kejohanan, di peringkat Borneo, serantau dan antarabangsa.

Antara kejohanan yang pernah disertai oleh atlet-atlet Petanque negara ialah Sukan SEA, Sukan SUKMA, Kejohanan Petanque Asian dan banyak lagi.

Dari saat itu, persekutuan ini tidak

henti-henti berusaha untuk mengembangkan juga memajukan sukan berkenaan. Sebagai usaha untuk menyebarkanluaskannya, mereka telah cuba melakukan pelbagai pendekatan, antaranya dengan melakukan kerjasama daripada pelbagai pihak, seperti Kementerian Pendidikan.

Menurut salah seorang pemain veteran yang masih aktif sehingga kini, iaitu Awang Mazlan bin Haji Yahya berkata, Persekutuan Petanque Brunei Darussalam tidak kendur-kendur berusaha untuk meningkatkan mutu sukan tersebut, di mana dalam sedikit masa lagi mereka akan melakukan kunjungan ke beberapa buah sekolah.

Kunjungan tersebut, jelasnya, adalah untuk memperkenalkan sukan Petanque kepada para pelajar di negara ini, iaitu dengan hasrat untuk mempromosikannya yang secara langsung akan dapat menambahkan lagi bilangan pemain-pemain muda untuk menceburi sukan berkenaan.

Dengan adanya penglibatan ini memudahkan mereka untuk mencari bakat-bakat muda yang berpotensi untuk diserapkan ke pasukan kebangsaan, sekali gus bakal menjadi pengganti pemain-pemain veteran yang kini kebanyakannya sudah berusia, walaupun sukan ini tidak mengehadkan umur para pemain, selain untuk menghindarkan daripada ketandusan pemain.

Untuk membentuk sebuah pasukan yang baik, pelbagai keperluan diperlukan, umpamanya dari segi meningkatkan mutu pemain sebuah pasukan memerlukan seorang pembimbing atau pelatih yang benar-benar mempunyai kebolehan juga mempunyai pengetahuan yang luas dalam sukan tersebut.

Juga mengambil kira tentang kebajikan para pemain ini, sudah tiba saatnya gelanggang yang ada pada masa ini ditutupi dengan atap bersesuaian bagi menghindari daripada ancaman cuaca, seperti panas dan hujan.

Dengan memenuhi keperluan seumpama ini, para pemain akan dapat menumpukan masa-masa latihan dengan lebih selesa, selain menghindarkan daripada terbantutnya masa-masa latihan, jika berlaku atau terjadinya sebarang



keadaan, seperti hujan. Malah jika berlangsung kejohanan, ia juga akan berlangsung dengan lancar, seperti yang dijadualkan tanpa menunda-nunda waktu.

Menyentuh dengan waktu latihan semasa jangkitan wabak COVID-19, para pemain Petanque terus peka dengan keadaan semasa, iaitu dengan mengikuti peraturan-peraturan dan terma-terma yang ada pada garis panduan, iaitu dengan menghadkan bilangan pemain setiap kali latihan. Latihan lazimnya diadakan setiap hari, pada waktu petang, di Gelanggang Petanque, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiyah.

Sebagai pemain Petanque, mereka

bukan sahaja bermain di gelanggang, tetapi juga melakukan latihan di dalam gim, di samping memerlukan latihan psikologi.

Permainan Petanque ini mempunyai beberapa kategori, terutama dalam kejohanan, seperti kategori *shooting* perseorangan lelaki dan perempuan; perseorangan lelaki dan perempuan; *double* lelaki dan perempuan; *triple* lelaki dan perempuan; juga campuran lelaki dan perempuan.

Antara pencapaian terbaik pasukan negara ialah memenangi di tempat ketiga dalam kejohanan Pan Pasifik, di negara ini, dan tempat kedua, di kejohanan yang sama di Filipina.



Sukan

INFO SUKAN

DEWAN Kecemerlangan yang berada di galeri sukan, yang terletak di Stadium Negara Hassanal Bolkiah memaparkan wajah-wajah atlet negara yang telah berjaya menempa nama di persada sukan, membawa pulang pingat dan mengharumkan negara di peringkat antarabangsa. Mereka menjadi tokoh-tokoh sukan dalam ristaan yang dapat dibanggakan.



ePaper Pelita Brunei

JAGA KESIHATAN DENGAN RIADAH, SUKAN

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menyempurnakan Perasmian Sukan Tahunan dan Hari Usrah UNISSA 2021.

SESI pemanasan badan dan suasana acara sukan track and field bagi peserta lelaki pada Sukan Tahunan dan Hari Usrah tersebut (kanan dan kiri).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Mac. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Unit Sukan dan Logistik, Majlis Perwakilan Pelajar, baru-baru ini, mengadakan Majlis Perasmian Sukan Tahunan dan Hari Usrah UNISSA 2021, bertempat di Stadium Hassanal Bolkiah Polis Gadong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal. Acara tahunan itu juga dihadiri sama oleh pegawai-pegawai utama, para pensyarah dan para mahasiswa UNISSA.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diteruskan dengan perbarisan lalu, disertai oleh para pelajar mengikut senarai rumah sukan masing-masing, iaitu Pasukan Al-Mujtahidun, dengan tema warna kelabu;

Pasukan Al-Mufakkirun, bertemakan warna kuning; warna biru bagi Pasukan Al-Abqoriyun; dan Pasukan As-Syatirun pula dengan tema warna merah.

Setelah itu, majlis diteruskan dengan ucapan daripada Exco Unit Sukan dan Logistik, Awang Afif Jazimin bin Emran, diikuti dengan Perasmian Majlis Pembukaan Sukan Tahunan dan Hari Usrah UNISSA 2021, disempurnakan oleh Rektor UNISSA. Tetamu kehormat seterusnya beramah mesra bersama pasukan-pasukan rumah sukan.

Majlis diikuti lagi dengan sesi pemanasan badan, yang

dikendalikan oleh para Ahli Unit Sukan dan Logistik juga dimeriahkan lagi dengan sesi bergambar ramai. Acara sukan track and field bagi peserta lelaki diadakan di kawasan padang, manakala bagi peserta perempuan pula, diadakan dalam bentuk pertandingan indoor games, seperti congkak, board games dan relay games, diadakan dalam Dewan Permainan.

Sukan tahunan kali ini turut disertai oleh wakil dari Universiti Brunei Darussalam (UBD); Universiti Teknologi Brunei (UTB); Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB); dan Politeknik Brunei (PB).

Antara tujuan acara diadakan ialah untuk mengeratkan lagi ikatan silaturahim bersama para warga UNISSA dan sebagai pengisian cuti semester untuk menjaga kesihatan dengan riadah juga aktiviti sukan.

Pupuk kemesraan melalui Sukan Ria

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ihsan Dk. Mas Siti Rasifah Adyani Pg. Haji Sabtu



SESI bergambar ramai pada Acara Sukan Ria PHL 2021 (atas), sementara gambar kanan, Ahli Kumpulan Rumah Sapphire yang memberikan sokongan pada Acara Sukan Ria berkenaan. Salah satu permainan yang dipertandingkan pada Acara Sukan Ria PHL 2021 (bawah).

TUTONG, Khamis, 11 Mac. - Lebih 100 ahli keluarga Allahyarham Pengiran Haji Lampoh bin Pengiran Kuntat dan Pengiran

Hajah Piut binti Pengiran Haji Muhammad berkumpul bagi Acara Sukan Ria PHL 2021, di Dewan Seri Kenangan Tutong, pada 7 Mac lalu.

Majlis dimulakan dengan sesi bergambar ramai, disusuli dengan perarakan masuk bagi kumpulan-kumpulan yang terbahagi kepada empat 'rumah', iaitu Ruby; Amber; Jade; dan Sapphire.

Setelah itu, majlis diteruskan dengan bacaan Doa Selamat dan ucapan daripada wakil pengerusi, disusuli dengan senaman aerobik juga persembahan dari setiap kumpulan yang ikut serta.

Sebanyak lima jenis permainan (games) dipertandingkan semasa acara tersebut iaitu bagi kanak-kanak berumur 6 tahun ke bawah menyertai Game 1 dan Game 5; kanak-kanak berumur 7 ke 10 tahun menyertai Game 1, Game 2 dan Game 4; ahli keluarga berumur 11 hingga 15 tahun menyertai Game 2, Game 3 dan Game 4;

ahli keluarga berumur 16 hingga 23 tahun menyertai Game 1, Game 2 dan Game 4; dan bagi ahli keluarga berumur veteran ialah Game 1, Game 2 dan Game 3.

Acara Sukan Ria itu diadakan bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara kaum keluarga dan sanak saudara,

di samping memupuk kemesraan sesama keluarga dan menjalin persefahaman yang mantap.

Ahli keluarga Allahyarham Pengiran Haji Lampoh bin Pengiran Kuntat dan Pengiran Hajah Piut binti Pengiran Haji Muhammad terdiri daripada 13 orang anak-anak dan kini semakin berkembang

keramaiannya, iaitu seramai 210 orang termasuk cucu-cucu dan cicit-cicit.

Melalui acara Sukan Ria itu, ia diharapkan agar cucu cicit dari keluarga tersebut akan lebih mengenali kaum keluarga mereka sendiri dan akan terus mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan mereka.

Tahukah Awda

LOMBONG Arang Batu terletak di Brooketon, dahulunya dikenali sebagai Muara damit. Dua kilometer dari Pekan Muara, di Mukim Serasa dan berhampiran jalan pusing keliling Lebuhraya Muara - Tutong. Peralatan tradisi yang digunakan untuk mengeluarkan arang batu ialah cangkul, penyodok dan tukul, tetapi tradisi ini kemudian digantikan dengan kaedah terbaharu cara perlombongan. Arang batu telah dieksport ke Labuan.

SUMBER : Pusat Sejarah Brunei.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SEMBAHYANG LIMA WAKTU LEBIH AFDAL DITUNAIKAN PADA AWAL WAKTU SECARA BERJEMAAH DI MASJID

دتریبیتکن اوله جابتن قنراغن، جابتن فردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلس سنديرین برحد، نکارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam